

# *Kumpulan Titah*

**Kebawah Duli Yang Maha Mulia  
Paduka Seri Baginda Sultan  
Haji Hassanal Bolkiah  
Mu'izzaddin Waddaulah,  
Sultan dan Yang Di-Pertuan  
Negara Brunei Darussalam  
Tahun 2014**







**Kebawah Duli Yang Maha Mulia  
Paduka Seri Baginda Sultan  
Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah  
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien  
Sa'adul Khairi Waddien  
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam**



Terbitan  
Unit Penerbitan Melayu  
Bahagian Penerbitan dan Pameran  
Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri  
Negara Brunei Darussalam

Cetakan Pertama 2015

Hakcipta Jabatan Penerangan

Penyelaras  
Hajah Rosidah binti Haji Ismail

Susunan/Reka letak/Kulit Luar  
Muhammad Al Khaliq bin Ali

Kompilasi/Penyemak  
Zawiyatun Ni'mah binti Mohamad Akir  
Nurul Syakirah binti Zaini

Dicetak oleh  
Ezy Printing Services & Trading Co. Sdn. Bhd

ISBN  
978-99917-49-81-5 (Kulit Keras)  
978-99917-49-82-2 (Kulit Lembut)

## ISI KANDUNGAN

## MUKA SURAT

Titah Sempena Menyambut Tahun Baru Masihi 2014.	1-5
Titah Sempena Sambutan Maulidur Rasul Sallallahu 'Alaihi Wasallam pada hari Selasa, 12 Rabiulawal 1435 Hijriah / 14 Januari 2014 Masihi.	6-8
Titah Sempena Menyambut Perayaan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-30.	9-13
Titah Sempena Majlis Anugerah Kampung Cemerlang Peringkat Kebangsaan Kali Ke-3 di Dewan Plenari Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, pada hari Khamis 27 Rabiulakhir 1435 Hijriah / 27 Februari 2014 Masihi.	14-16
Titah Sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Bangunan Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis, Bandar Seri Begawan, pada hari Khamis, 4 Jamadilawal 1435 Hijriah / 6 Mac 2014 Masihi.	17-20

Address by His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam at a Banquet in honour of the Official Visit of His Excellency Kay Rala Xanana Gusmao, Prime Minister of the Democratic Republic of Timor-Leste at Istana Nurul Iman on Saturday, 15 March 2014. 21-23

Address by His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam at a State Banquet hosted by His Excellency U Thein Sein, President of The Republic of The Union of Myanmar at Presidential Palace, Nay Pyi Taw, Myanmar on Tuesday, 25<sup>th</sup> March 2014. 24-26

Titah di Majlis Istiadat Pemasyhurhan Tokoh Adat Istiadat Sepanjang Zaman Sempena Sambutan Hari Adat Istiadat di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada hari Isnin, 29 Jamadilawal 1435 Hijrah / 31 Mac 2014 Masihi. 27-29

Titah di Mesyuarat Khas Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) di Istana Nurul Iman pada hari Isnin, 5 Rejab 1435 Hijriah / 5 Mei 2014 Masihi. 30-32

Titah di Majlis Pertandingan Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Bagi Tahun 1435 Hijriah 2014 Masihi (Malam Ketiga) di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada hari Khamis, (Malam Jumaat) 11 Jamadilakhir 1435 Hijriah / 10 April 2014 Masihi.	33-35
Titah Sempena Majlis Pengisytiharan Penguatkuasaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Sya'riah 2013 di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada hari Rabu, 30 Jamadilakhir 1435 Hijriah / 30 April 2014 Masihi.	36-37
Titah Sempena Majlis Sambutan Isra' dan Mi'raj Bagi Tahun 1435 Hijriah / 2014 Masihi di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada hari Selasa, 27 Rejab 1435 Hijriah / 27 Mei 2014 Masihi.	38-40
Titah Sempena Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Negara Bagi Tahun 1435 Hijriah / 2014 Masihi di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada hari Isnin (malam Selasa), 17 Ramadan 1435 Hijriah / 14 Julai 2014 Masihi.	41-43
Titah Perutusan Sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1435 Hijriah / 2014 Masihi di Istana Nurul Iman pada hari Isnin, 1 Syawal 1435 Hijriah / 28 Julai 2014 Masihi.	44-46



Titah Sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-68 pada hari Khamis, 18 Syawal 1435 Hijriah / 14 Ogos 2014 Masihi.	47-51
Titah Sempena Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkihah Bagi Tahun 1435 Hijriah / 2014 Masihi di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada hari Sabtu, 26 Syawal 1435 Hijriah / 23 Ogos 2014 Masihi.	52-54
Titah Di Upacara Sovereign's Parade Pengambilan Ke-11 Sekolah Pegawai Kadet, Akademi Pertahanan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei di Sekolah Pegawai Kadet, Perkhemahan Sungai Akar, pada hari Khamis, 2 Zulkaedah 1435 Hijriah / 28 Ogos 2014 Masihi.	55-57
Titah Sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-9 Tahun 2014 di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkihah pada hari Rabu, 8 Zulkaedah 1435 Hijriah / 3 September 2014 Masihi.	58-60
Titah Sempena Majlis Konvokesyen Ke-26 Universiti Brunei Darussalam (UBD) di Dewan Canselor UBD pada hari Sabtu, 11 Zulkaedah 1435 Hijriah / 6 September 2014 Masihi.	61-64

Address by His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam at The UN Climate Summit 2014, New York on 23<sup>rd</sup> September 2014. 65-68

Address by His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam of The 69<sup>th</sup> UNGA General Debate Statement, UN Headquarters, New York, 25<sup>th</sup> September 2014. 69-74

Titah Perutusan Sempena Hari Raya Aidiladha Tahun 1435 Hijriah / 2014 Masihi. 75-78

Titah Sempena Sambutan Hari Guru Kali Ke-24 Tahun 1435 Hijriah / 2014 Masihi dan 100 Tahun Pendidikan Formal Di Negara Brunei Darussalam di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada hari Khamis, 14 Zulhijjah 1435 Hijriah / 9 Oktober 2014 Masihi. 79-81

Address by His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam at The 7<sup>th</sup> Bali Democracy Forum in Bali, Republic of Indonesia on 10<sup>th</sup>-11<sup>th</sup> October 2014. 82-85

Titah Sempena Majlis Konvokesyen Kali Kedua Bagi Graduan Ijazah Sarjana Muda Tempatan dan Majlis Konvokesyen Bagi Graduan Diploma Tertinggi Kebangsaan Kali Ke-23 Institut Teknologi Brunei (ITB) di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada hari Khamis, 28 Zulhijjah 1435 Hijriah / 23 Oktober 2014 Masihi. 86-88

Titah Perutusan Sempena Menyambut Tahun Baru Hijrah 1436. 89-91

Titah Sempena Perasmian Majlis Ilmu 2014 Sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-68, di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada hari Selasa, 4 Muharram 1436 Hijriah / 28 Oktober 2014 Masihi. 92-94

Titah Sempena Majlis Hafl Al-Takharruj Ke-4, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada hari Sabtu, 8 Muharram 1436 Hijriah / 1 November 2014 Masihi. 95-98

Titah Sempena Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-21, Tahun 1436 Hijrah / 2014 Masehi di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, pada hari Khamis 4 Safar 1436 Hijriah / 27 November 2014 Masihi. 99-101

Titah Sempena Majlis Bersama Rakyat  
Dan Penduduk Negara Brunei Darussalam  
Yang Berada Di United Kingdom Dan  
Northern Ireland Dan Penganugerahan  
Basiswa “Chancellor’s Scholar” Universiti  
Brunei Darussalam Sesi 2014 / 2015,  
di London, United Kingdom pada hari  
Ahad 6 Rabiulawal 1436 Hijriah /  
28 Disember 2014 Masihi.

102-104

# **Titah Sempena Menyambut Tahun Baru Masihi 2014**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,  
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu  
Wassalaamu 'AlaAsyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin,  
Wa'ala 'Alihe Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

ALHAMDULILLAH, beta bersyukur kerana kita semua dapat menikmati ketenteraman dan kesejahteraan di sepanjang tahun Masihi 2013.

Insya-Allah semoga tahun Masihi 2014 juga akan terus membawa keamanan dan kesejahteraan yang sama.

Pada tahun Masihi 2013, negara kita menjadi Pengerusi ASEAN. Di sepanjang tempoh itu kita cukup berbangga kerana dapat menyempurnakan tanggungjawab kita dengan sangat berkesan.

Ini termasuklah kita menjadi tuan rumah bagi Sidang Kemuncak ASEAN pada bulan April dan Oktober yang lalu serta mengendalikan pelbagai mesyuarat ASEAN dan antarabangsa di peringkat menteri dan pegawai kanan.

Kejayaan kita ini adalah berkat perancangan, persediaan dan komitmen kita yang bersepadu.

Untuk itu beta mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua peringkat dan masyarakat seluruhnya yang telah sama-sama mengangkat imej negara di mata tetamu-tetamu kita daripada luar negara.

Beralih kepada pembangunan kedua-dua sektor awam dan swasta adalah memainkan peranan penting untuk berganding bahu mempertingkatkan sosioekonomi negara.

Khasnya dalam bidang pentadbiran, Perkhidmatan Awam adalah jentera kerajaan bagi memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada orang ramai mahupun komuniti bisnes.

Baru-baru ini kedudukan negara di dalam 'Ease of Doing Business' menunjukkan pembaikan yang menggalakkan, dari tangga 79 pada tahun 2012 kepada tangga 59 pada tahun 2013.

Beta berharap pencapaian ini akan menyemarakkan lagi semangat kita untuk terus membuat lebih banyak pembaharuan yang diperlukan bagi memudah cara perniagaan.

Matlamat kita adalah jelas untuk menjadikan negara ini benar-benar pro-bisnes. Dengannya, insya-Allah ekonomi kita akan dapat berkembang dan berdaya maju serta banyak lagi peluang pekerjaan dapat diwujudkan.

Negara memang memerlukan lebih banyak peluang pekerjaan khasnya di sektor swasta untuk menangani pengangguran yang meningkat. Kerajaan melalui agensi-agensi berkenaan sangat giat menggerakkan pengambilan anak-anak tempatan bekerja di sektor swasta untuk mengisi kekosongan yang ada.

Kerajaan melalui Kementerian Pendidikan juga giat mensejajarkan latihan-latihan teknikal dan vokasional supaya terdapat kesepadanan di antara peluang-peluang pekerjaan dan kemahiran yang diperlukan. Cara ini akan memastikan anak-anak muda yang mencari pekerjaan mendapat latihan yang bersesuaian dengan peluang pekerjaan yang ada.

Dalam masa yang sama komuniti bisnes hendaklah mendukung usaha kerajaan bagi sama-sama memberikan keutamaan bekerja kepada anak-anak tempatan dengan menawarkan gaji dan kemudahan-kemudahan lain yang berpatutan lagi munasabah.

Usaha untuk menjana pertumbuhan ekonomi juga memerlukan kita semua meningkatkan lagi tahap produktiviti masing-masing di sektor awam dan swasta. Ini selaras dengan tema Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 yang berbunyi: 'Pengetahuan dan Inovasi, Meningkatkan Produktiviti, Mempercepat Pertumbuhan Ekonomi'.

Beta berharap supaya isu produktiviti di sektor awam mahupun sektor swasta mula diberikan perhatian sewajarnya. Dasar dan strategi perlulah digubal segera untuk mencapai matlamat-matlamat yang dihasratkan.

Di sepanjang tahun Masihi 2013 kita juga telah melaksanakan pelbagai usaha bagi meningkatkan lagi kegiatan-kegiatan sosioekonomi, menarik pelaburan asing, melaksanakan projek-projek usahasama dalam beberapa sektor termasuk sektor hulu dan hiliran minyak dan gas, perubatan dan perkhidmatan.

Di bawah pembaikan infrastruktur, projek-projek untuk keperluan air juga akan terus dilaksanakan. Ini termasuklah antara lain meningkatkan kapasiti penyimpanan air dan penjagaan loji rawatan air. Tidak terkecuali juga projek-projek memperdalamkan sungai dan membina terusan bagi mengatasi banjir.

Peningkatan keselamatan jalan raya juga turut rancak berjalan di bawah beberapa projek, antara lain pembesaran dan penaik taraf permukaan jalan, penggunaan sistem demerit dan kempen-kempen keselamatan jalan raya secara berterusan.

Bagi jangka panjang, kerajaan juga adalah dalam proses menyediakan pelan induk pengangkutan yang memfokus antara lain kepada rangkaian perkhidmatan pengangkutan bersepadu yang efisien, selamat dan bersih dengan memberikan pilihan pergerakan yang luas dan lancar kepada semua.

Ini termasuklah pembinaan jalan dan jambatan-jambatan untuk menghubungkan Daerah Brunei dan Muara dengan Daerah Temburong dan pembinaan jambatan penghubung menyeberangi Sungai Brunei dari Kampung Sungai Kebun ke Jalan Residency, Daerah Brunei Muara.

Di samping itu kerajaan juga giat untuk mempertingkatkan Sistem Pengangkutan Awam di negara ini bagi memenuhi keperluan orang ramai.

Bilangan rumah-rumah perpindahan yang dapat disiapkan pada tahun 2013 adalah sangat menggalakkan. Kita telah dapat menurunkan tempoh menunggu pemohon dan pemberian rumah sehingga mencapai kira-kira 48 % dari bilangan permohonan.

Menjelang tahun hadapan 2014, melebihi 6,000 buah rumah lagi dijangka akan siap, yang membawa kepada jumlah perumahan yang siap melebihi 26,000.

Untuk lebih mempesatkan lagi penyediaan perumahan yang cukup kerajaan juga sudah mula menyediakan rumah-rumah bertingkat tinggi yang sesuai untuk negara ini.

Di dalam bidang kesihatan, Kerajaan akan mempesatkan lagi penyediaan infrastruktur fizikal dan perkhidmatan serta langkah-langkah untuk mengukuhkan sumber tenaga manusia yang berkepakaran.

Kerajaan juga tidak lalai dari memelihara persekitaran atau 'environment' kerana hanya dengan persekitaran yang sihat sahaja pembangunan akan dapat berjalan terus.

Ke arah ini satu perundangan mengenai alam sekitar adalah sedang diusahakan. Ia bertujuan antara lain untuk memelihara persekitaran dan mengelakkan pencemaran.

Di dalam tahun baru ini kita akan mula melaksanakan fasa awal Perintah Kanun Jenayah Syar'iah. Pada kesempatan ini, beta ingin menekankan supaya semua lapisan masyarakat akan dapat membulatkan azam dan komitmen bagi sama-sama mendokong perlaksanaannya.

Di arena serantau dan antarabangsa beta sangat gembira kerana masyarakat di negara ini tidak ketinggalan turut mengambil perhatian terhadap pihak-pihak luar yang ditimpa musibah yang memerlukan bantuan. Beta berbangga dengan inisiatif dan sambutan orang ramai dalam menghulurkan bantuan kemanusiaan kepada mangsa-mangsa Taufan Haiyan di Filipina baru-baru ini.

Akhirnya, beta ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua peringkat dalam Perkhidmatan Awam serta pasukan-pasukan keselamatan termasuk mereka yang bertugas di perantauan dan juga kepada mereka yang berkhidmat di sektor swasta di atas usaha-usaha ikhlas mereka dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing untuk kesejahteraan negara.



Beta dan keluarga beta tidak lupa merakamkan ucapan Selamat Tahun Baru Masihi 2014 kepada seluruh rakyat dan penduduk di negara ini. Beta berdo'a semoga Allah Subhanahu Wata'ala terus melimpahkan rahmat serta perlindungan-Nya kepada kita dan negara.

Sekian. Wabillahit Taufeq Wal-hidayah Wassalamu'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.



**Titah Sempena Sambutan Maulidur Rasul  
Sallallahu 'Alaihi Wasallam  
pada hari Selasa, 12 Rabiulawal 1435 Hijriah /  
14 Januari 2014 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,  
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu  
Wassalaamu 'AlaaAsyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin  
Wa'ala 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

TERLEBIH dahulu beta mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya jua dapatlah kita meraikan lagi sambutan Maulidur Rasul Sallallahu 'Alaihi Wasallam.

Memperingati dan meraikan Hari Keputeraan Nabi kita Sayidina Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam adalah merupakan wadah ke arah memperkasa iman dan akidah. Kerana bukannya Baginda itu diutus untuk menyeru manusia supaya beriman dan mempunyai akidah? Tanpa Baginda itu tidak akan berbangkit cerita iman dan akidah.

Demikian itu kepentingan dan keagungan Baginda. Hingga sekarang keagungan itu tidak akan malap-malap bahkan akan terus bersemarak di alam maya ini lebih-lebih lagi di jiwa dan sanubari umat Baginda.

Khususnya ketika perayaan sambutan ini, orang-orang tidak akan pernah lupa untuk mengimbas kembali detik-detik perjuangan Baginda yang pahit. Baginda berjuang menghadapi musuh-musuh akidah cuma dengan seorang diri sahaja. Baginda ditentang mati-matian dan dihina malah disakiti. Hanya sesudah beberapa lama bersendirian itu barulah Baginda mendapat sahabat atau pengikut untuk sama-sama menyebarkan Islam.

Memang Baginda adalah rahmat kepada alam. Baginda membawa perubahan-perubahan yang sangat bermakna untuk dinikmati bersama. Perubahan dari gelap-gelita kepada terang benderang. Dari perhambaan kepada kemerdekaan. Dari kufur kepada Islam. Dari membunuh hidup-hidup kanak-kanak perempuan kepada menyelamatkan mereka. Dari pertelingkahan dan pembunuhan kepada hidup berbaik-baik.

Pendeknya rahmat itu dibawa oleh Baginda adalah menyeluruh sebagaimana isyarat daripada Allah sendiri dalam Surah Al-Anbiya ayat 107, tafsirnya: “Dan tidaklah Kami mengutusmu (wahai Muhammad) melainkan untuk (menjadi) rahmat kepada alam seluruhnya.”

Alhamdulillah kerana Bagindalah kita dapat mengenali Allah serta menyembah-Nya. Kerana Baginda juga kita menjadi orang-orang yang baik, yang suka beribadat, suka menolong sesama manusia, dan pandai membaca Al-Qur’an. Ini semua adalah bersumber daripada rahmat yang dibawa oleh Baginda. Semoga Allah mengekalkan rahmat ini sampai bila-bila.

Negara kita telah melakukan perkara-perkara yang terbaik untuk menagih rahmat. Kita sudah mengharamkan arak kerana kata syara’, arak itu ibu segala kejahatan. Kita sudah menubuhkan Bank Islam untuk menghindari riba. Kita mengagihkan zakat untuk mereka yang berhak. Kita sudah mengharamkan rokok dan merokok kerana ia berisiko kepada kesihatan dan malah nyawa. Kita sudah mewajibkan pendidikan agama sebagai memenuhi tuntutan fardu ain.

Kita juga sudah menubuhkan Institut Tahfiz Al-Qur’an untuk melepaskan kewajipan fardu kifayah. Kita sudah menutup sementara premis-premis perniagaan pada hari Jumaat sebagai langkah memelihara imej Islam dan umatnya dan paling mutakhir, kita sudah pun menunaikan azam kita dengan bertawakal mendaulkan Kanun Jenayah Syar’iah di negara bertuah ini sebagai langkah kita melepaskan diri daripada dituntut oleh Allah di hari akhirat kelak.

Semoga semua langkah yang diambil ini akan diterima oleh Allah sebagai amal bakti kepada kita dan akan dibalas dengan ganjaran rahmat-Nya jua. Kita sama sekali tidak meragui bahawa Allah itu tidak memungkiri janji-Nya.

Marilah kita sama-sama membaca selawat ke atas Baginda Sayidina Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam: "Allahumma Salli 'Ala Sayyidinaa Muhammad, Wa 'Ala Aali Sayyidinaa Muhammad." Semoga kita sama-sama layak dan berhak untuk mendapat syafaat Baginda. Amin Ya Rabbal'alamin.

Sekian, Wabillahit Taufeq Wal-hidayah, Wassalamu'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.



# **Titah Sempena Menyambut Perayaan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-30**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,  
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu  
Wassalaamu 'AlaaAsyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin  
Wa'ala 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du

KITA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat pula menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan kita di dalam suasana aman dan sentosa.

Sambutan Hari Kebangsaan Ke-30 ini sangatlah signifikan kerana genapnya tiga dekad negara kita menikmati kemerdekaan penuh. Sekarang elok kita sama-sama menilai setakat mana kita telah memanfaatkan kemerdekaan tersebut.

Dari segi pembangunan fizikal, dalam tempoh tiga dekad ini negara telah banyak melaksanakan program-program pembangunannya di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN). Kualiti kehidupan rakyat dan penduduk terus sahaja meningkat sejajar dengan masyarakat moden.

Berasaskan petunjuk kualiti antarabangsa mengenai dengan jangka hayat, alhamdulillah tahap kesihatan dan keperluan pendidikan kita sudah pun mencapai kualiti kehidupan yang tinggi sebagaimana mengikut sukatan Indeks Kemajuan Manusia atau Human Development Index (HDI) yang digunakan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Semua ini memberi makna yang besar kepada kita.

Namun begitu wawasan dan matlamat utama kemerdekaan bukanlah setakat untuk meraih pencapaian kebendaan semata-mata tetapi juga perlu memenuhi aspek-aspek kerohanian.

Di samping untuk mencapai Wawasan 2035 dalam bidang fizikal, kita juga ingin meraih rahmat dan keberkatan dalam semua aspek kehidupan. Kita turut menginginkan sebuah negara yang benar-benar memenuhi ciri-ciri 'Baladun Tayyibatun Warabbun Ghafur', yang sejahtera lagi bahagia dibawah pemeliharaan Allah.

Kerana itu cara kita mengisi kemerdekaan ini sangatlah istimewa. Kita tidak lupa bersyukur dan berzikir kepada Allah dengan cara sembahyang berjama'ah dan sama-sama mengaminkan do'a. Inilah amalan Negara Melayu Islam Beraja, negara kita.

Atas landasan unik inilah kita terus berusaha memantapkan jati diri kita selaku orang Brunei. Perkara ini sangatlah kritikal bagi kelangsungan hidup kita dan proses 'nation building'.

Malahan pada hemat beta MIB adalah merupakan satu-satunya pendinding atau 'Firewall' yang kukuh lagi berkesan untuk menangani pelbagai isu dan cabaran globalisasi.

Globalisasi dalam realitinya telah memacu perubahan paling cepat. Penggunaan internet dan pelbagai jenis media sosial pula telah menjadikan penyebaran informasi sebagai tidak lagi bersempadan. Maklumat-maklumat sudah dapat disalurkan dengan begitu mudah kepada sesiapa sahaja.

Ini memastikan kita perlu bijak dan berhati-hati untuk memperolehi manfa'atnya. Sebaliknya jika kita cuai atau salah guna maka kesan buruknya bukan sahaja kepada diri individu malahan juga kepada negara.

Pada masa ini sudah mula terdapat percubaan daripada pihak-pihak tertentu untuk menghasut generasi masa kini bagi mempersoalkan dan sekali gus tidak menyokong pelaksanaan hukum Kanun Jenayah Syar'iah di negara ini. Mereka itu menggunakan saluran-saluran media baru seperti laman-laman web, blog, aplikasi WhatsApp dan seumpamanya. Ini bukan sahaja diakses oleh rakyat tempatan malahan juga pihak luar negara.

Semua ini tidak syak lagi adalah cabaran, khasnya cabaran terhadap generasi baru kita. Mereka itu perlu mempunyai pendirian kuat, selaras dengan dasar-dasar negara. Mereka tidak boleh sama sekali dipengaruhi oleh anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab yang ingin melihat dalaman kita kucar-kacir atau bertelagah sesama sendiri serta tidak menghormati ketua dan kerajaan.

Di samping mempersoalkan pelaksanaan hukum Kanun Jenayah Syar'iah, golongan ini juga nampak-nampaknya sudah ada yang cuba-cuba menghina raja, menghina ulama dan menghina hukum syara'. Perkara ini dapat dihidu melalui pelbagai ungkapan mereka apabila mereka itu menyebut tentang raja, tentang ulama dan tentang hukum syara'.

Semua ini adalah cabaran kepada pihak-pihak penguatkuasa undang-undang khasnya mereka yang secara langsung berkaitan dengan Perintah Hukuman Kanun Jenayah Syar'iah. Ini tidak syak lagi adalah jenis-jenis jenayah dibawah penggal Kesalahan-Kesalahan Am. Mereka ini tidak boleh dibiarkan berterusan melakukan penghinaan-penghinaan itu tetapi jika betul ada unsur yang melayakkan mereka dibawa ke mahkamah maka fasa pertama pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah pada bulan April ini adalah sangat relevan bagi mereka.

Selaku “generasi berwawasan”, kita mustahak berhati-hati terhadap apa jua bentuk cabaran termasuk cabaran oleh atau dari golongan yang mengaku turut mendukung hasrat suci kita tetapi kemudiannya memesongkan dukungan itu kepada kepentingan-kepentingan lain.

Di sinilah generasi kita sangat perlu memiliki jati diri yang luhur dan tahan lasak sehingga tidak boleh digugat atau diseret untuk memudaratkan negara.

Maka dalam hubungan ini, kita sekarang adalah sedang giat memupuk nilai-nilai ketahanan diri melalui Program Khidmat Bakti Negara (PKBN). Program ini memainkan peranan amat penting khususnya bagi membina nilai-nilai murni para belia.

Tidak syak lagi nilai-nilai murni itu sangat diperlukan oleh bangsa dan negara.

Bercakap mengenai nilai ini, kita telah dikejutkan oleh beberapa kejadian pencurian yang melibatkan beberapa buah masjid di negara ini. Kejadian-kejadian tersebut amatlah mendukacitakan lebih-lebih lagi ianya berlaku di dalam Rumah-Rumah Allah.

Dalam hal ini, beta sangat berharap supaya pihak-pihak berwajib akan dapat mengambil langkah berkesan dan menyeluruh bagi menjamin yang gejala memalukan ini tidak akan berulang lagi.

Tidak terbatas kepada jenayah di Rumah Allah sahaja malah semua jenayah dalam bentuk pencurian dan rompakan yang dilakukan ke atas rumah-rumah kediaman rakyat dan penduduk di negara ini mestilah ditumpaskan setumpas-tumpasnya, tidak hanya memadai dengan kita merekodkan jumlah jenayah-jenayah tersebut sahaja tetapi hendaklah dengan bertindak tegas sehingga penjenayah-penjenayah itu tertangkap untuk diadili. Insya Allah Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah adalah sedang menunggu mereka.

Seperti negara-negara dalam rantau kita, negara kita juga tidak terkecuali turut mengalami cuaca hujan berterusan yang luar biasa. Banyak kawasan rendah mengalami banjir sehingga menjejaskan harta benda.



Beta sangat mengkagumi sifat sabar yang ditunjukkan oleh mangsa-mangsa banjir. Mereka bersama-sama pihak Kerajaan dengan tenang sahaja menghadapi situasi ini. Ditambah lagi dengan para sukarelawan juga tidak ketinggalan menyumbangkan khidmat bakti mereka yang sangat bermakna.

Memang sewajarnya kita mesti menerima perkara ini dengan penuh redha di samping terus berdoa memohon keringanan dan keselamatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Akhirnya beta dengan ikhlas merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi dan lain-lain Jawatankuasa Sambutan Perayaan Ulang Tahun Ke-30 Hari Kebangsaan dan sekalian peserta serta petugas yang turut berusaha untuk menjayakan perayaan ini.

Beta juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua lapisan rakyat termasuk semua peringkat warga Perkhidmatan Awam serta mereka yang bertugas di luar negara, Pasukan-Pasukan Keselamatan dan juga mereka yang berkhidmat di sektor swasta, dengan iringan do'a semoga kita semua dikurniakan rahmat serta hidayat oleh Allah Subhanahu Wata'ala Amin.

Sekian. Wabillahit Taufeq Wal-hidayah Wassalamu'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.



**Titah Sempena Majlis Anugerah Kampung Cemerlang  
Peringkat Kebangsaan Kali Ke-3 di Dewan Plenari  
Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, pada hari  
Khamis 27 Rabiulakhir 1435 Hijriah /  
27 Februari 2014 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,  
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu  
Wassalaamu 'AlaaAsyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin  
Wa'ala 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

ALHAMDULILLAH, beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu  
Wata'ala kerana dapat hadir di Majlis Anugerah Kampung Cemerlang  
Kali Ke-3 pada pagi ini.

Sukacita beta mengambil maklum bahawa Anugerah Kampung  
Cemerlang bagi Majlis-Majlis Perundingan Kampung Negara Brunei  
Darussalam telah mula diperkenalkan pada tahun 2008 dan dapat  
diteruskan lagi sehingga ke hari ini.

Beta difahamkan bagi sesi ke-3 ini, sebanyak 104 Majlis-Majlis  
Perundingan Kampung seluruh negara telah menyertainya dan  
dari jumlah tersebut boleh dianggap sebagai satu peningkatan yang  
memberangsangkan. Walau bagaimanapun jumlah ini belumlah  
meliputi jumlah keseluruhan Majlis-Majlis Perundingan Kampung  
Negara Brunei Darussalam. Jumlah semuanya ialah sebanyak 181  
buah, menandakan peningkatan adalah masih diperlukan lagi.

Beta akan gembira jika Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan  
Kampung dapat menjalankan peranannya sebagai badan pergerakan  
akar umbi dan kemasyarakatan. Beta juga sangat mengharapkan  
supaya Skim Anugerah Kampung Cemerlang ini dapat merangsang  
ke arah usaha-usaha mensejahterakan masyarakat mukim dan  
kampung.

Kejayaan dan kecemerlangan Projek Anugerah Kampung  
Cemerlang adalah berkait langsung dengan aspek kepimpinan  
terutama sekali kepimpinan di peringkat akar umbi. Bercakap  
mengenai kepimpinan ini, ia adalah tertumpu kepada semua, dari  
Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung sampailah

kepada ahli-ahli dan penasihat-penasihat Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung selaku sifat mereka sebagai pendukung dan tonggak kepada institusi ini.

Sehingga sekarang kita masih bercakap mengenai kepimpinan kerana kita sememangnya masih memerlukan kepimpinan yang berwibawa di peringkat akar umbi. Dengan adanya kepimpinan seperti ini dapatlah diharapkan masyarakat akan menerima kesannya lebih mendalam bagi menghasilkan kemajuan yang lebih pesat di lingkungan mukim dan kampung.

Kejayaan, kemajuan dan kecemerlangan sesebuah mukim dan kampung adalah terletak pada sejauh mana kepimpinan itu berlaku kepada anak-anak buah mukim dan kampung itu sendiri. Jika kepimpinan itu baik dan maju pasti kesannya juga akan membuahkan kebaikan dan kemajuan.

Beta difahamkan kriteria penilaian Anugerah Kampung Cemerlang Kali Ke-3 ini merangkumi aspek-aspek kepimpinan, perekonomian yang menjurus kepada Satu Kampung Satu Produk, Pendidikan, Keagamaan dan Kemasyarakatan serta Kebersihan dan Keceriaan persekitaran kampung.

Pada hemat beta adalah perlu ditambah satu lagi aspek dalam kriteria ini iaitu aspek keselamatan. Kerana tanpa keselamatan satu-satu kecemerlangan itu akan kurang bermakna.

Pada akhir-akhir ini telah kedengaran cerita tentang rumah-rumah yang dimasuki oleh pencuri atau perompak. Ada mangsa yang telah diancam dengan senjata-senjata tajam sementara wang ringgit dan barang-barang berharga pula dilarikan oleh anasir-anasir tersebut.

Perkara ini berlaku di kampung dan malah bukan sebuah kampung sahaja yang mengalaminya tetapi banyak kampung.

Di samping pihak keselamatan mesti bersungguh-sungguh menanganinya, di pihak orang ramai juga tidak boleh mengambil ringan perkara ini. Ianya perlu dihadapi secara kolektif dengan cara muafakat dan bersatu padu. Bulatkan azam dan tenaga menghadapinya. Janganlah dibiarkan anasir-anasir ini terus mengambil kesempatan daripada kecuaiannya dan kelalaiannya. Pastikan mereka itu mendapat pengajaran daripada masyarakat dan undang-undang. Jangan biarkan mereka terus beranggapan bahawa

bumi Brunei ini adalah tempat paling mudah untuk memperoleh rezeki yang haram.

Sudah barang tentunya barisan yang paling di hadapan sekali untuk menghadapi cabaran ini ialah Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung. Mereka itu patut mempunyai rancangan dan strategi masing-masing untuk bagaimana menyekat dan bahkan menumpaskan sama sekali kegiatan-kegiatan yang tidak bertamadun oleh anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab itu.

Mereka ini misalnya adalah layak dan wajar untuk bekerjasama dengan pihak-pihak keselamatan secara sepatutnya.

Beta turut gembira mengetahui bahawa terdapat banyak penglibatan oleh Majlis-Majlis Perundingan Kampung di dalam pameran-pameran dan jualan-jualan sama ada yang berlaku di dalam mahupun di luar negara. Beta berpendapat penglibatan seperti ini sangatlah berfaedah dan perlu ditingkatkan.

Oleh itu memang sesuai produk-produk yang berkonsepkan Satu Kampung Satu Produk dihasilkan oleh Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dipasarkan bukan saja dalam negara malah juga di luar negara dengan lebih teratur dan meluas. Perkara ini akan lebih mudah dibuat melalui usaha sama yang padu daripada semua pihak baik ia dari agensi-agensi kerajaan mahupun swasta.

Akhirnya, beta mengucapkan tahniah kepada Majlis Perundingan Kampung yang berjaya merangkul Anugerah Kampung Cemerlang Kali Ke-3 ini dan berharap pada tahun akan datang usaha-usaha ke arah meningkatkan lagi kecemerlangan kampung-kampung akan terus diungkayahkan sesuai dengan tujuan anugerah ini diadakan.

Sekian. Wabillahit Taufeq Wal-hidayah Wassalamu'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.



**Titah Sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat  
Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis  
Mesyuarat Negara (MMN) di Bangunan Dewan Majlis,  
Jalan Dewan Majlis, Bandar Seri Begawan,  
pada hari Khamis, 4 Jamadilawal 1435 Hijriah /  
6 Mac 2014 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh  
Bismillaahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,  
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu'  
Wassalaamu 'AlaAsyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin,  
Wa'ala 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

BETA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua dapatlah Istiadat Pembukaan Rasmi bagi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara berlangsung dengan sempurna.

Persidangan Majlis Mesyuarat Negara sudah 10 tahun bersidang sejak ianya diwujudkan semula. Di dalam tempoh tersebut banyaklah isu dan persoalan yang timbul untuk dibincang atau dibahaskan. Namun semenjak dari tempoh itu kecenderungan banyak berkisar menimbulkan isu-isu yang berkaitan dengan kemudahan dan kesejahteraan para pegawai dan kakitangan kerajaan sahaja berbanding cuma sedikit tumpuan diberikan kepada kesejahteraan para pekerja di sektor swasta. Padahal bagi hemat beta melalui perkembangan dan produktiviti di sektor swasta itu dapat diharapkan untuk menyumbang kepada peningkatan sosioekonomi di negara ini.

Atas anggapan inilah kerajaan beta sentiasa melaksanakan berbagai inisiatif bagi memperbaiki lagi iklim pelaburan dan perniagaan di negara ini sambil memastikan kesejahteraan pekerja-pekerja tempatan di sektor swasta adalah mendapat perhatian sewajarnya.

Antara langkah-langkah ke arah itu ialah Penubuhan Tabung Amanah Pekerja, Skim Persaraan Caruman Tambahan, pewujudan Skim Tabungan Perumahan dan sebagainya.

Malahan langkah kerajaan juga telah mengemaskinikan dan mengurangkan kadar cukai eksais bagi beberapa kenderaan yang berkapasiti rendah untuk tujuan mengurangkan kos sara hidup dan juga untuk faedah golongan yang berpendapatan rendah. Dengan trend perniagaan dan perdagangan dunia hari ini, para belia kita sangatlah perlu meningkatkan diri sendiri dari segi kemahiran dan ilmu pengetahuan dengan kemahiran dan pengetahuan yang tinggi.

Insya-Allah mereka akan menjadi lagi lebih kreatif dan mampu untuk bersaing. Oleh itu perbincangan di dewan ini perlulah juga untuk turut memikirkan isu-isu strategik seperti ini. Dalam hal ini beta gembira dengan usaha yang diambil oleh Kementerian Pendidikan dan agensi-agensi lain dalam kerajaan untuk meningkatkan lagi tahap literasi bisnes kepada para belia dan penuntut dengan menerapkan unsur-unsur *entrepreneurship* di dalam kurikulum pendidikan di negara ini. Memang sudah tiba masanya untuk negara melahirkan ramai lagi ahli perniagaan yang berjaya di kalangan anak-anak tempatan.

Negara kita, Alhamdulillah mempunyai *advantage* yang sangat unik. *Advantage* itu ialah dalam bentuk keamanan dan kesejahteraan yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita. Sewajarnya keamanan dan kesejahteraan itu terus dipupuk dan dipelihara demi pembangunan kerana tanpa keamanan, pembangunan tidak akan dapat berjalan dengan lancar dan baik. Kita mustahak membangun tanpa semata-mata bergantung kepada hasil eksport minyak dan gas kita kerana walaupun Tabung Kewangan Antarabangsa IMF meramalkan pertumbuhan ekonomi global yang lebih baik bagi tahun 2014 namun masih sahaja terdapat risiko yang boleh menjejaskan ekonomi di mana saja. Tidak terkecuali negara-negara di rantau ini.

Bagi negara kita, kerajaan akan terus mengukuhkan stabiliti mikroekonomi melalui perbelanjaan berhemah yang mengutamakan *value for money* dan *accountability*. Di samping itu usaha untuk mempelbagaikan aktiviti perekonomian juga adalah menjadi keutamaan negara. Maka untuk itu Perkhidmatan Awam perlulah melipatgandakan usaha bagi menjadikan negara ini pro bisnes terutama untuk membantu perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana.

Sejak dua tahun ke belakang ini pelaksanaan Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-10 adalah berjalan dengan rancaknya.

Beta dimaklumkan bahawa keseluruhan Peruntukan RKN Ke-10 yang berjumlah BND6.5 bilion itu telah pun diagih-agihkan untuk berbagai projek kemajuan. Namun pada setiap tahun perbelanjaan adalah melebihi Anggaran Peruntukan. Maka kerana itu beta telah pun memperkenankan sokongan Jawatankuasa Tertinggi RKN Ke-10 bagi satu tambahan kepada harga rancangan berjumlah BND1.65 bilion. Peruntukan tambahan ini adalah untuk membiayai projek-projek baru yang dipohonkan oleh kementerian dan jabatan.

Adalah menjadi dasar kerajaan beta untuk terus meningkatkan aktiviti perekonomian di negara ini termasuk berusaha bagi menarik pelaburan langsung asing. Bagi maksud tersebut pihak kerajaan telah pun menyediakan tapak-tapak yang sesuai untuk pelaburan besar meliputi bagi kemudahan infrastruktur yang diperlukan. Bagaimanapun setiap perancangan itu adalah memerlukan pelaksanaan. Jika pelaksanaan itu tersasar atau tidak menepati jangka masa yang ditentukan maka puncanya hendaklah dikenal pasti dan difikirkan penyelesaiannya.

Dalam hubungan ini penubuhan satu unit baru telah pun beta perkenankan di Jabatan Perdana Menteri. Ia akan berperanan bagi mengenal pasti bidang-bidang utama yang perlu dilaksanakan oleh kerajaan melalui agensi-agensi tertentu. Ia juga akan bekerjasama dengan agensi-agensi tersebut dalam merangka perancangan, memantau pelaksanaan dan juga menawarkan khidmat nasihat serta bantuan dari semasa ke semasa.

Pada bulan Januari yang baru lalu kita telah berhadapan dengan cuaca hujan yang turut menjejaskan sebahagian rakyat dan penduduk di negara ini. Sebagai respons spontan kerajaan beta telah pun menyediakan peruntukan sejumlah BND68 juta khusus bagi projek-projek mengatasi banjir di kawasan-kawasan yang terjejas.

Di samping itu peruntukan tambahan juga sebanyak BND35 juta telah disediakan bagi projek-projek membaik pulih prasarana awam dan aset-aset kerajaan yang rosak akibat banjir dan tanah susur.

Satu lagi projek utama negara ialah pelaksanaan Kanun Jenayah Syar'iah. Pelaksanaan undang-undang ini juga adalah satu aspek kemajuan besar, bukannya seperti yang didakwa oleh setengah pihak sebagai kolot atau berundur ke belakang.

Di sini ingin beta menyebut tentang perpaduan. Inilah masanya kita orang-orang Brunei perlu mempamerkan perpaduan kita kerana perpaduan itu adalah benteng dan kekuatan semula jadi.

Usahlah dihiraukan sangat apa orang lain kata tentang kita di Brunei kerana mereka itu bukan cukup tahu sebagaimana kita sendiri tahu tentang diri kita dan negara sendiri. Tetapi yang penting kita sendiri selaku orang Brunei mestilah benar-benar menjadi orang Brunei apabila kita bersatu, maka bersatulah selaku orang-orang Brunei. Bersatu tanpa mengira apa jua suku kaum dan pegangan. Bernegaralah selaku orang-orang Brunei bernegara. Kita berkerajaan maka berkerajaanlah selaku orang-orang Brunei berkerajaan. Kita beraja atau berketua maka beraja atau berketualah selaku orang-orang Brunei beraja atau berketua. Iaitu dengan penuh taat setia tanpa berbelah bahagi.

Inilah tanggungjawab kita semua atas nama rakyat Brunei Darussalam iaitu bersatu padu untuk mendukung dan menyokong pelaksanaan Kanun Jenayah Syar'iah. Kepada mereka yang di luar Brunei pula tolonglah hormati kami sebagaimana kami menghormati mereka.

Akhirnya, beta berharap Majlis Mesyuarat Negara Musim Kesepuluh ini akan dapat berlangsung dengan licin dan sempurna serta mampu untuk mencapai objektifnya.

Sekian. Wabillahit Taufeq Wal-hidayah Wassalamu'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.





**Address by His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah  
Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji  
Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,  
the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam  
at a Banquet in honour of The Official Visit of  
His Excellency Kay Rala Xanana Gusmao  
Prime Minister of the Democratic Republic  
of Timor-Leste at Istana Nurul Iman  
on Saturday, 15<sup>th</sup> March 2014**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh  
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,  
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen Wassalaatu  
Wassalaamu 'AlaaAsyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin  
Wa'alaah 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du

YOUR Excellency Xanana Gusmao,  
(Za-na-na Gusmao)

Your Excellencies,

Ladies and Gentlemen.

My Government and people join me in welcoming you once again to Brunei Darussalam and in extending our warmest greetings and best wishes to you and the people of Timor-Leste.

Your visit gives us an opportunity to enhance both the personal friendship as we as the warm bilateral ties between our two countries and peoples.

Your Excellency,

As one of the world's newest nation states, Timor-Leste has developed into an exemplary nation and valued member of the international community.

Your astute leadership has also led Timor-Leste to impressive levels of development and achieved positive economic progress despite the global crisis.

I would like to congratulate you and your government for your country's effort to enhance the prosperity and livelihood of your people through the implementation on your Strategic Development Plan 2011-2030.

Today, Timor-Leste enjoys growing stature in regional and international affairs.

In 2013, your country assumed the Chairmanship of the United Nation Economic and Social Commission for the Asia-Pacific (UNESCAP) and this year it will also take on the Presidency of the Community of Portuguese Language Countries (CPLP).

In addition, the establishment of the Timor-Leste Cooperation Agency to provide assistance to post-conflict states reflects the readiness of your country and people to help others through your own hard earned experiences, and for this Prime Minister, your country should be commended.

Your Excellency,

Twelve years ago, your Government joined us as our guest for the first time when Brunei Darussalam hosted the 35th ASEAN Ministerial Meeting.

To this day Timor-Leste has remained steadfast in its interest to join ASEAN and we assure you that Brunei Darussalam will continue to support your membership to ASEAN.

Your Excellency,

I value your commitment and efforts in further strengthening our bilateral relation and welcome the setting up of your Embassy here in Bandar Seri Begawan.

I am also confident that your visit will pave the way for greater cooperation between our two countries.

Brunei Darussalam looks forward to working with Timor-Leste in the areas of education, tourism and energy for the benefit of our people and the region as a whole.

To conclude, my Government and people join me in wishing you and the people of Timor-Leste good health, happiness and success.

Wabillahit Taufeq Wal-Hidayah Wassalamu'Alaikum  
Warahmatullaahi Wabarakaatuh.



**Address by His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah  
Mu'izzaddin Waddaulah  
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien  
Sa'adul Khairi Waddien,  
the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam  
at a State Banquet hosted by His Excellency  
U Thein Sein, President Of The Republic of The Union of  
Myanmar at Presidential Palace,  
Nay Pyi Taw, Myanmar  
on Tuesday, 25<sup>th</sup> March 2014**

YOUR Excellency U Thein Sein,

Excellencies,

Ladies and Gentlemen,

Mr. President,

I would like to thank you for your warm welcome and kind remarks about Brunei Darussalam.

Please accept my very best wishes to you and to the Government and people of the Republic of the Union of Myanmar.

I am happy to be in your beautiful country again.

Mr. President,

The people of Brunei Darussalam and Myanmar have enjoyed a close personal relationship over the past twenty years.

For many Bruneians, teachers from Myanmar have taught us in our schools and your doctors have cared for us in our hospitals.

We thank them for their contributions to our country.

Over this time, the personal relationship between our people has evolved into joint efforts in health, education and technical assistance.

Today we are pleased to be supporting Myanmar's future development by sharing our experience with your officials through our technical assistance programmes.

This is certainly something that will continue in the future.

Mr. President,

After our meeting in Brunei Darussalam last year, I have looked forward to coming to Myanmar to see the country's exciting development in person.

The changes in Myanmar since my last visit in 1998 are clear and impressive.

I believe all our friends in this region and beyond also share this sentiment.

Due to the hard work of your people, Myanmar has achieved rapid economic growth over the past two years.

On all these efforts, we congratulate you and continue to offer our friendship and cooperation.

Looking ahead, one area with much potential for cooperation is in the energy industry.

I am pleased that our officials have already begun working together on this.

At the same time, as we expand to new areas such as agriculture and fisheries, it would be good for our officials to have more regular consultations to strengthen our warm bilateral cooperation.

Mr. President,

Last year in Brunei Darussalam, you spoke about Myanmar's vision for our region.

Your outlook is no different from ours.

Like Myanmar, we emphasise the need for a people-centered ASEAN, educating our youth, promoting small businesses and narrowing the development gap.

This year we have full confidence in Myanmar's successful Chairmanship.

Under your personal guidance Mr. President, I am positive that ASEAN will move ever closer to its goals for a Community.

To this end, Brunei Darussalam will continue to work closely with Myanmar to advance our common regional interests of peace and prosperity for our people.

Mr. President,

Once again I thank the Government and people of Myanmar for their warm hospitality.

Please also accept my appreciation for the friendship and goodwill that our two countries have enjoyed.

I wish your beautiful country a future of peace, progress and prosperity.

Wabillahit Taufeq Wal-Hidayah Wassalamu'Alaikum  
Warahmatullaahi Wabarakaatuh.



**Titah di Majlis Istiadat Pemasyhuran Tokoh Adat  
Istiadat Sepanjang Zaman  
Sempena Sambutan Hari Adat Istiadat  
di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa,  
Berakas, pada hari Isnin,  
29 Jamadilawal 1435 Hijriah / 31 Mac 2014 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,  
Wabihee Nasta'enu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu  
Wassalaamu 'AlaaAsyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin  
Wa'ala 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

BETA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana diizinkan-Nya hadir dalam majlis ini.

Majlis Istiadat Pemasyhuran Tokoh Adat Istiadat Sepanjang Zaman sempena Sambutan Hari Adat Istiadat ini adalah cetusan pemikiran Majlis Mesyuarat Adat Istiadat.

Beta difahamkan Majlis Mesyuarat Adat Istiadat telah menimbangkan dengan penuh teliti signifikannya memasyhurkan seorang tokoh adat istiadat apatah lagi bagi mengenang jasa individu yang sudah tiada bersama kita.

Beta menyambut dan menghargai sokongan Majlis Mesyuarat Adat Istiadat memilih Tokoh Adat Istiadat bagi dijadikan asas dan puncak mercu tanda adat istiadat negara. Beta memahami dan dengan penuh yakin mengakui bahawa mercu tanda gemilang adat istiadat kita adalah Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Makanya jasa Al-Marhum itu sentiasa dikenang dan ketokohan baginda sedia dijulung. Bukan baru sekarang.

Sejarah menjadi bukti bahawa Al-Marhum adalah Raja yang membawa Negara Brunei Darussalam ke arus modenisasinya. Al-Marhum meneraju bahtera Brunei moden dengan mengajak sama seluruh rakyat jelata ke dalamnya.

Sejarah menjadi saksi bahawa Al-Marhum telah berusaha gigih menjadikan rakyat berpendidikan sambil menikmati kesejahteraan.

Al-Marhum memimpin rakyat menuju matlamat hidup yang mulia dengan berpegang teguh kepada ajaran ugama Islam. Dengan pegangan teguh kepada ajaran ugama Islam, Al-Marhum mengadakan pembaharuan adat istiadat negara dengan mengikut landasan adat berasaskan hukum dan hukum bersendikan syara'.

Dengan berkat kepimpinan Al-Marhum yang bijaksana lagi berwibawa dalam mengadakan pembaharuan adat, kita sekarang mewarisi adat istiadat Brunei yang cantik lagi dinamik.

Dan dengan menjadikan adat istiadat itu dinamik dan serasi dalam zaman moden maka Al-Marhum telah membina Brunei moden yang kerananya Al-Marhum dijulung sebagai arkiteknya. Al-Marhum tidak sahaja melakarkan peta jalan menuju masa hadapan yang panjang bahkan Al-Marhum dengan azam yang kuat, teliti lagi berhemah tinggi telah membawa rakyat bernegara dan berpemerintahan beraja yang berasaskan amanah bahawa raja tidak akan zalim dan rakyat pula tidak akan derhaka.

Dengan hubungan erat raja dan rakyat maka Brunei telah dapat mengekalkan adatnya beraja. Untuk mengukuhkan lagi adat itu, Al-Marhum terkenal dengan pegangannya yang kuat bahawa adat boleh diperbaharui dengan tidak menghilangkan keasliannya.

Adat yang diperbaharui itulah yang melahirkan bentuk dan susunan pemerintahan beraja pada masa ini. Raja kekal berdaulat memimpin negara dan memegang tampuk kerajaan.

Raja mempunyai majlis-majlis atau lembaga-lembaga penasihat menurut skop dan fungsinya dengan ahli-ahlinya yang berkelayakan.

Kerajaan yang dipimpin oleh Raja adalah dengan menteri-menterinya. Dan menteri-menteri itu dilantik untuk membantu serta bertanggungjawab kepada Raja, cukup dengan kementerian-kementerianya dan pegawai-pegawai serta kakitangannya. Maka Raja pun memerintah, bersepadu dengan semua rangkaian pemerintahan bagi membawa rakyat menikmati keamanan, kesejahteraan, kemakmuran dan keselamatan.



Pemerintahan yang berasaskan amanah yang menjalinkan hubungan raja dengan rakyat itulah yang dimaktubkan oleh Al-Marhum ke dalam perlembagaan bertulis yang pertama dalam sejarah yang menjadi asas pemerintahan moden Brunei yang sehingga kini terus kita kembangkan.

Dalam mengembangkan Brunei yang moden itu kita setentunya bukan sahaja mengikut jejak langkah Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien bahkan mengambil iktibar daripada episod-episod pengalaman Al-Marhum yang penuh dengan liku-liku serta cabaran yang menjadikan Brunei kekal berdaulat.

Dan pada hari ini, Isnin, 29 haribulan Jamadilawal 1435 Hijriah bersamaan dengan 31 haribulan Mac 2014 Masihi, kita pilih sempena yang bersejarah dan bersukut baik ini maka beta dengan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan dengan bertabarruk serta mohon syafa'at Rasul-Nya, Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam dengan ini memasyhurkan bahawa Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam sebagai TOKOH ADAT ISTIADAT SEPANJANG ZAMAN. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa merahmati roh Al-Marhum dengan menghimpunkan baginda ke dalam kalangan hamba-hamba-Nya yang soleh di Syurga Jannatun Na'em.

Sekian, Wabillahit Taufeq Wal-hidayah, Wassalaamu'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.



**Titah di Mesyuarat Khas Majlis Ugama Islam Brunei  
(MUIB) di Istana Nurul Iman  
pada hari Isnin, 5 Rejab 1435 Hijriah / 5 Mei 2014 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh  
Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,  
Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu'  
Wassalaamu 'AlaAsyarafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin,  
Wa'ala Alihee Wasahbihie Ajma'een, Waba'du.

ALHAMDULILLAH, beta ingin merespon sedikit dalam menangani perkara besar seperti Perlaksanaan Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah 2013. Semua orang mestilah bersikap bijaksana khususnya agensi-agensi yang berkaitan dengannya. Jika tidak kita mungkin sahaja dilihat sebagai tidak cekap mengendalikan atau telah melakukan banyak kesilapan dan kekurangan.

Perkara ini nampak ialah ketika pemberigaan berlaku. Perkara-perkara tidak disebut oleh akta tetapi ianya timbul sampai melarat-larat. Contohnya tentang pakaian. Macam-macam perkara yang timbul mengenai orang menutup aurat dan tidak menutup aurat dan macam-macam lagi.

Padahal di dalam akta tidak ada menyebut tentang pakaian. Yang disebut ialah perbuatan tidak sopan. Mengapa dibiarkan orang meracau-racau tentang pakaian? Mengapa dilayan orang membahaskan pakaian sehingga keluar tajuk? Apa perlunya ditimbulkan hukum pakaian di sini? Dan apa relevannya pembarigaan menyebut menutup aurat belum diwajibkan? Mengapa ia pula yang timbul? Tidakkah lebih wajar kalau diterangkan bahawa soal pakaian itu akan dinilai di bawah perbuatan tidak sopan. Bukan ia dijawab dengan memberi hukum menutup aurat atau tidak tutup aurat. Bukankah lebih baik jika pihak pemberigaan memberikan gambaran dengan satu perbandingan, seseorang merayau-rayau di tengah bandar dengan memakai seluar katak dan seorang lagi memakai baju kurung tanpa tudung kepala, di antara dua keadaan ini manakah yang layak dianggap sebagai tidak sopan? Barangkali dengan jawapan cara ini, orang boleh faham dan tidak akan mengungkit-ungkit lagi perkara pakaian itu.

Perkara lain, media telah menyiarkan bahawa Kerajaan Brunei telah mengharamkan orang-orang bukan Islam dari menggunakan 19 perkataan: - Masjid, Azan, Baitullah, Al-Qur'an, Fatwa, Firman, Hadith, Haji, Hukum, Hukum Syarak, Ilahi, Kaabah, Kalimah Syahadat, Kiblat, Imam, Mufti, Mukmin, Solat dan Wali.

Hukuman jika sabit kesalahan terhadap perkara-perkara ini akan didenda sehingga empat ribu atau satu tahun penjara. Kita hendak tahu adakah betul ini? Adakah betul menjadi kesalahan orang bukan Islam menyebut Masjid, Azan, Fatwa, Mufti, Imam, Kaabah?

Salahkah orang-orang bukan Islam berkata, saya hendak melawat Masjid Omar 'Ali atau saya hendak berjumpa dengan Mufti. Salahkah ini? Jika mengikut siaran media tadi memang salah dan jika sabit kesalahan boleh dihukum denda atau penjara. Diminta Menteri Ugama nanti menjelaskan.

Jika sekiranya apa yang disiarkan oleh media itu betul, mana pembetulannya dari pihak kita? Mana Kementerian Ugama? Mana Majlis Ugama Islam? Mana Unit Perundangan Islam? Dan Mana Jawatankuasa Pemberigaan?

Kalau kita kata siaran media itu salah, apa yang betulnya? Mesti diberitahu yang betul itu supaya tidak menjadi kekeliruan. Orang jika keliru boleh menyebabkan bermacam-macam tindak balas seperti marah atau tidak puas hati atau takut atau benci. Adakah ini akan dibiarkan begitu sahaja tanpa ditangani.

Kita sepatutnya bertindak cepat. Apa-apa yang salah mesti dibetulkan. Banyak cara untuk membetulkan itu seperti membuat kenyataan di dalam media sendiri dan juga melalui siaran-siaran radio dan televisyen. Terangkan dengan sebaik-baiknya sehingga orang faham, bukan menjawab dengan menunggu majlis bariga diadakan.

Kalau dua minggu lagi majlis bariga akan diadakan, kita mesti menunggu juga dua minggu. Ini tidak betul dan malah tidak memadai jawapan diberikan hanya dalam majlis bariga sahaja kerana beberapa orang saja yang ada di dalam majlis bariga itu. Jadi yang betulnya ada sahaja kesilapan atau kekurangan atau kekeliruan yang ditonjolkan oleh media. Pihak berkenaan kita mestilah cepat-cepat meresponnya.

Dan untuk itu sepatutnya kita mesti ada pasukan pemantau, duduki dan bincangkan mana-mana hasil pemantauan itu, jangan ia dimalamkan lama-lama. Ini kita tidak, dibiarkan lama labui-labui. Kalau ada jawapan pun seperti melepas batuk di tangga sahaja.

Tidak sungguh-sungguh, tidak padat dan kemas. Itu pun cuma melalui akhbar sahaja. Mana penampilan dalam media elektronik, radio dan tv. Jangan alang-alang kalau media menyiarkan salah. Tunjukkan yang betul dan jika perlu perlekehkan media yang selalu membuat salah itu, baru mereka lain kali akan lebih berhati-hati. Ini peranan psikologi perlu turut dimainkan.

Wabillahit      Taufeq      Wal-hidayah      Wassalamu'Alaikum  
Waramatuillaahi Wabarkaatuh.



**Titah di Majlis Pertandingan Membaca Al-Qur'an  
Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Bagi  
Tahun 1435 Hijriah 2014 Masihi (Malam Ketiga)  
di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa,  
Berakas, pada hari Khamis, (Malam Jumaat)  
11 Jamadilakhir 1435 Hijriah / 10 April 2014 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,  
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu'  
Wassalaamu 'AlaAsyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin,  
Wa'ala Aalihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

ALHAMDULILLAH, beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat hadir ke Majlis Pertandingan Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1435 Hijriah bersamaan 2014 Masihi Kali Ke-54 Tahun.

Membaca Al-Qur'an adalah amalan yang digalakkan untuk kita melakukannya. Dengan membaca Al-Qur'an itu juga bermakna kita adalah berzikir. Berzikir dengan membaca Al-Qur'an adalah lebih utama dan afdal. Kerana membaca Al-Qur'an itu merupakan ibadat besar selain ibadat wajib seperti sembahyang lima waktu. Sehubungan itulah kita dikehendaki membaca, mendalami dan menghayati isi kandungannya. Al-Qur'an bukan untuk dijadikan perhiasan tetapi adalah suluh bagi sesiapa yang membacanya.

Beta berharap di negara ini tidak ada lagi orang Islam yang bersungut kerana tidak pandai membaca Al-Qur'an kerana dari semenjak sekian lama lagi sehingga sekarang, galakan dan peluang belajar membaca Al-Qur'an itu telah pun diberi malah sentiasa terbuka luas, tidak pernah ditutup.

Sekarang, kita adalah dalam era lebih ke hadapan untuk melaksanakan ajaran-ajaran Al-Qur'an itu. Misalnya, kita telah pun melarang aktiviti mengenai arak dalam semua keadaan. Kita juga telah memperbaiki imej pada hari Jumaat, mengelak riba dengan menubuhkan institusi-institusi kewangan Islam dan lain-lain sebagainya. Semua ini kita buat adalah berlandaskan ajaran Al-Qur'an jua.

Dan kini, kita juga melangkah dalam perkara perundangan, yang juga dituntut oleh Al-Qur'an. Pendeknya, Brunei Darussalam, insya-Allah, tidak akan berhenti dari menagih redha Allah melalui bimbingan dan panduan Al-Qur'an.

Beta difahamkan tema pertandingan tahun ini ialah: "Al-Qur'an Sumber Keselamatan Dunia Akhirat". Ini bertepatan dengan firman Allah Subhanahu Wata'ala di dalam Surah Al Baqarah ayat 2 yang tafsirnya: "Itulah Kitab (Al-Qur'an yang dibaca oleh Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam) yang tidak ada keraguan padanya (tentang datangnya daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan tentang kesempurnaan kandungannya). Ia adalah sebagai petunjuk ke jalan yang lurus bagi orang-orang yang (hendak) bertaqwa (dengan mengerjakan segala suruhan-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya)."

Ayat ini menjelaskan bahawa bagi Al-Qur'an itu sudah tidak ada lagi perkara yang boleh diragukan. Ia adalah semata-mata benar. Semua hukum dan perkhabaran di dalamnya adalah benar belaka. Semuanya adalah wajib diyakini dan diikuti oleh kita umat Islam. Siapa yang mengikutnya akan selamat dan yang mengingkarinya pula akan beroleh kecelakaan di akhirat.

Oleh itu, Beta sangatlah berharap supaya kita semua lebih komited dengan Al-Qur'an dengan membacanya banyak-banyak serta berpegang kuat kepada ajaran-ajarannya. Elakkanlah diri dari sebarang aliran mempertikai Al-Qur'an dan Al-Hadis. Semua itu adalah sia-sia dan tidak ada manfaatnya sama sekali malah mengundang kepada kemurkaan Allah jua.

Akhirnya dalam kesempatan ini, Beta sukacita mengucapkan tahniah kepada semua peserta yang telah menyertai semua peringkat pertandingan khasnya kepada mereka yang mampu sampai ke peringkat akhir kebangsaan pada tahun ini. Khusus kepada peserta qari dan qariah yang menjuarai pertandingan ini dan seterusnya akan mewakili negara ke Musabaqah Tilawah Al-Qur'an, Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur nanti, Beta berharap supaya mereka itu akan dapat berusaha lagi untuk meningkatkan mutu bacaan mereka di samping terus memperluaskan ilmu pengetahuan sebagaimana yang dikehendaki bagi peringkat antarabangsa.

Sekian, Wabillahit Taufeq Wal-hidayah, Wassalamu'Alaikum  
Warahmatullaahi Wabarakaatuh.



**Titah Sempena Majlis Pengisytiharan Penguatkuasaan  
Perintah Kanun Hukuman Jenayah Sya'riah 2013  
di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa,  
Berakas pada hari Rabu,  
30 Jamadilakhir 1435 Hijriah / 30 April 2014 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh  
Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,  
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu'  
Wassalaamu 'AlaAsyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin,  
Wa'ala Aalihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

MARILAH kita sama-sama merafa'kan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua dapatlah kita berkumpul di pagi yang indah ini.

Pada 22 Oktober 2013 yang lalu beta telah mengumumkan pewartaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah 2013. Maka pada hari ini setelah berlangsung enam bulan, beta dengan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala serta bersyukur mengisytiharkan bahawa esok hari Khamis, 1 Rejab 1435 Hijriah bersamaan 1 Mei 2014 Masihi adalah tarikh mulanya berkuatkuasa Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah 2013 fasa Pertama yang kemudian akan diikuti pula dengan fasa selanjutnya.

Tidaklah berbangkit sama sekali kita menanggukannya sebagaimana yang dinukil oleh media. Kita perlu memahami ungkapan: enam bulan selepas Akta digazetkan di mana sehingga ke hari ini pun ia masih lagi dalam lingkungan enam bulan tersebut.

Alhamdulillah dengan ini kita mengulangilagi sejarah perundangan Islam yang pernah diamalkan beberapa kurun terdahulu di negara ini. Semua itu adalah berkat keazaman kita untuk menolong ugama Allah di bumi yang bertuah ini. Allah telah berjanji untuk menolong kita jika kita menolong ugama-Nya. Ini pasti berlaku sebagaimana firman-Nya dalam Surah Muhammad, ayat 7, tafsirnya:

“Wahai orang-orang yang beriman, jika sekiranya kamu menolong (ugama) Allah, (nescaya) Allah akan menolong (dan membela kamu untuk mencapai kemenangan) serta menetapkan pendirian kamu (dalam membela kebenaran).”



Dengan mengembalikan segala pujian kepada Allah, maka kewajiban beta dan kewajiban kita semua di hadapan-Nya dalam perkara perundangan sudah pun kita sempurnakan. Tinggal sahaja lagi peranan masing-masing terutama agensi-agensi yang berkaitan hendaklah melaksanakannya dengan penuh tanggungjawab, amanah dan berhemah. Ingatlah fokus kita hanyalah kepada Allah jua untuk mencari redha-Nya semata-mata bukan melihat ke kiri atau ke kanan untuk mencari-cari siapa yang suka atau tidak.

Kita tidak pernah melihat orang lain dengan kaca mata yang buruk kerana itu adalah hak dan pilihan mereka. Kita juga tidak mengharapkan mereka untuk menerima dan mempersetujui kita tetapi memadailah jika mereka menghormati kita sahaja sebagaimana kita juga menghormati mereka.

Adapun andaian-andaian berupa pelbagai teori adalah perkara lumrah yang tidak pernah berkesudahan. Kita tidak boleh berpegang dengan teori yang statusnya tidak lebih dari teori berbanding dengan apa yang kita pilih ialah tuntutan Allah. Sesungguhnya tuntutan Allah itu bukanlah ia teori tetapi “hukum wajib” yang tidak ada keraguan padanya.

Kalau teori mengatakan Undang-Undang Allah kejam dan tidak adil tetapi Allah sendiri telah menegaskan undang-undang-Nya itu adil. Maka di manakah harga teori itu di sini berhadapan dengan wahyu Allah?

Dengan ikhlas kita tegaskan bahawa keputusan untuk melaksanakan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar’iah 2013 ini bukanlah untuk suka-suka tetapi adalah atas dasar mematuhi perintah Allah yang termaktub di dalam Al-Qur’an dan Al-Hadith.

Beta amatlah bangga dan sukacita atas pendirian rakyat dan penduduk negara ini yang telah menyatakan sokongan tidak berbelah bahagi termasuk daripada kalangan mereka yang bukan beragama Islam. Lebih-lebih lagi sokongan padu itu turut diambil oleh Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara di dalam sidangnyanya yang berlangsung baru-baru ini.

Sekian, Wabillahir Taufeq Wal-hidayah, Wassalamu‘Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.



**Titah Sempena Majlis Sambutan Isra' dan Mi'raj Bagi  
Tahun 1435 Hijriah / 2014 Masihi  
di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa,  
Berakas, pada hari Selasa, 27 Rejab 1435 Hijriah /  
27 Mei 2014 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh  
Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,  
Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu'  
Wassalaamu 'AlaAsyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin,  
Wa'ala Aalihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

BETA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya jua dapatlah kita sekali lagi mengadakan sambutan Isra' dan Mi'raj yang sudah terpahat dalam kalendar Islam pada setiap 27 Rejab.

Walaupun peristiwa yang sangat bersejarah ini telah berulang kali diperingati namun ia tidak pernah membosankan. Selaku seorang mukmin kita tetap menyukainya. Kerana memperingati Isra' dan Mi'raj itu boleh membawa kepada banyak kemanfaatan berupa pengajaran dan iktibar.

Di negara kita alhamdulillah berbagai aktiviti atau majlis diadakan untuk merayakan Hari-Hari Kebesaran Islam. Ini dilakukan oleh masyarakat Islam sama ada dari sektor kerajaan mahupun sektor swasta. Usaha-usaha seperti ini sangatlah baik untuk memberi imej kepada negara serta sekaligus menyemarakkan syi'ar Islam.

Peristiwa Isra' dan Mi'raj merupakan mukjizat agung Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam. Ia adalah tanda kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala yang tidak mampu dijangkau oleh akal manusia. Yang penting di sini ialah keimanan kita orang-orang Islam untuk mempercayainya. Natijah dari kepercayaan itu insyaa-Allah akan membuahkan untuk kita keselamatan di dunia dan di akhirat.

Sesuatu yang menarik dalam peristiwa Isra' dan Mi'raj ialah penglibatan masjid. Dua buah masjid adalah berkaitan iaitu Masjid Al-Haram dan Masjid Al-Aqsa. Ini menunjukkan betapa istimewanya kedudukan masjid. Ia bukan saja untuk tempat berhimpun kerana beribadat tetapi juga lain-lain kegiatan berkebajikan serta menjadi syi'ar terpenting bagi ugama. Kerana

itu membina masjid perlulah menepati ciri-cirinya, bukan setakat membina semata-mata. Janganlah kita setakat meletakkan bangunan dengan reka bentuknya yang berlebih kurang sahaja sehingga apabila siap kelak ia akan kelihatan seperti sebuah kontena besar layaknya.

Carilah idea dan contoh yang baik, bukan dengan tujuan meniru-niru reka bentuk orang lain tetapi apa salahnya kalau setakat untuk mendapatkan idea-idea baru dan besar?

Hendaklah semuanya itu dibincangkan terlebih dahulu sebelum didirikan. Teliti luar dan dalamnya baik-baik dari reka bentuknya, menaranya, tempat letak keretanya sampailah kepada sistem suaranya pun juga perlu diambil perhatian. Kerana berapa banyak kedapatan sistem suara ini kurang memuaskan.

Menyebut bangunan masjid beta teringat pula kepada bangunan sekolah. Kerana kedua-duanya itu adalah sama menjadi kebanggaan kita. Jika sekolah itu sekolah ugama atau arab maka tidak syak lagi ia adalah tergulung sebagai syi'ar.

Selaku syi'ar, bangunan-bangunan sekolah ugama dan arab perlulah menyerlah. Jangan ia kurang dari sekolah-sekolah lain. Pembangunannya hendaklah lancar, tidak wajar dilambat-lambatkan. Kerana keperluannya diketahui sentiasa mendesak.

Sepatutnya di era mutakhir ini pembangunan sekolah-sekolah Ugama dan Arab berjalan dengan lancar. Tetapi kenyataannya didapati tidak begitu.

Kalau kemudahan fizikal berupa bangunan ini tidak segera dipenuhi bagaimanakah kita akan dapat menambah bilangan pelajar atau penuntut ugama di negara ini?

Disebabkan oleh kekurangan tempat maka pengambilan ke Sekolah Arab pada setiap tahun akan jadi berkurangan. Sampai bilakah perkara ini akan berlaku dan apakah akan jadi kepada ugama Islam pada masa hadapan jika kaum terpelajar ugama di negara ini bilangannya sedikit berbanding dengan mereka di bidang-bidang yang lain?

Beta tidak mahu pendidikan ugama di negara ini tercicir atau ketinggalan hanya oleh kerana kita lambat merancang dan membangun dan oleh kerana lambat itu sampai kita terpaksa mencari

dan menggunakan bangunan orang lain di mana perkara seumpama ini sepatutnya tidak berlaku.

Sambil dengan konsisten menjulang pendidikan ugama, Beta juga telah memperkenankan Perintah Institut Pendidikan Teknikal Brunei 2013 dan Kertas Putih Transformasi Pendidikan Teknik dan Vokasional serta Pelan Menaik Taraf Pendidikan Teknikal Brunei Darussalam 2013-2018.

Melalui transformasi ini para pelajar akan memperoleh kemahiran, pengetahuan dan lain-lain nilai bagi pembelajaran sepanjang hayat serta latihan kondusif.

Pada tahun ini Beta difahamkan bahawa tema sambutan ialah: 'Sembahyang Teras Kekuatan Ummah'. Tema ini sangat bertepatan dengan sempena majlis kita pada pagi ini di mana mereka yang akan menerima anugerah adalah terdiri daripada individu-individu yang berkait langsung dengan masjid atau surau atau balai ibadat.

Beta berharap majlis pada pagi ini mampu untuk mengesankan khidmat yang lebih cemerlang di kalangan mereka yang berkenaan itu. Khutbah-khutbah perlu disampaikan dengan cara yang lebih baik, menepati isi dan tujuannya. Jika isi itu misalnya mengajak kepada bertakwa maka barangkali lebih sesuai kalau ia disampaikan dengan suara yang sederhana sahaja.

Semua ini boleh dicapai jika latihan-latihan selalu diberikan oleh pihak yang berkenaan. Begitu juga penyampaian ayat-ayat Al-Qur'an atau Hadis hendaklah dipastikan oleh pihak yang bertanggungjawab supaya ianya betul-betul tepat, sah dan fasih.

Jika latihan dan pentasmi'kan dilakukan dengan bersungguh-sungguh serta penuh teliti, beta percaya semua kelemahan akan dapat diatasi dengan mudah.

Untuk akhirnya Beta sukacita mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan ucapan tahniah kepada penerima-penerima anugerah pada kali ini dengan harapan penganugerahan ini akan dapat menyuntik prestasi semua warga imam dan bilal di negara ini.

Sekian, Wabillahit Taufeq Wal-hidayah, Wassalamu'Alaikum Waramatuillaahi Wabarkaatuh.



**Titah Sempena Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an  
Peringkat Negara Bagi Tahun 1435 Hijriah / 2014  
Masihi, di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas,  
pada hari Isnin (malam Selasa),  
17 Ramadan 1435 Hijriah / 14 Julai 2014 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,  
Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu'  
Wassalaamu 'AlaAsyarafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammaddin,  
Wa'ala Aalihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

ALHAMDULILLAH, beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya jua dapatlah kita memasuki lagi bulan Ramadan yang Mubarak ini, bulan yang penuh dengan keberkatan dan keampunan Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh itu marilah kita merebut peluang ini dengan memperbanyakkan lagi amal ibadat kita di samping melakukan ibadat berpuasa yang diwajibkan.

Tarikh 17 Ramadan adalah satu tarikh yang sentiasa diingati oleh umat Islam. Kerana pada tarikh tersebutlah Al-Qur'an diturunkan kepada Nabi kita, Sayyidina Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam.

Bercakap mengenai Al-Qur'an ini, kita umat Islam adalah dituntut untuk berpegang teguh dengannya sebagaimana juga Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam dan para sahabat berpegang teguh dengannya. Bukan setakat menghafaz dan membacanya sahaja tetapi juga memahami dan mengamalkan segala isi ajarannya. Dengan pemahaman dan pengamalan berterusan ajaran-ajaran Al-Qur'an itu dapatlah kita menolak segala aliran atau pemikiran yang tidak senada dengan Islam seperti Sekularisme, Pluralisme, Liberalisme, Feminisme dan lain-lain lagi.

Mengambil atau mengamalkan apa-apa jua yang bertentangan dengan Islam bererti kita tidak mengikut Al-Qur'an atau dengan kata lain mendustakan ayat-ayat suci Al-Qur'an itu. Perkara ini sangatlah dilarang dan bahkan dikeji oleh Allah Subhanahu Wata'ala dengan menyifatkan mereka itu sebagai keldai, sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al-Jumu'ah ayat 5, tafsirnya:

“Bandingan orang-orang (Yahudi) yang dibebankan (untuk melaksanakan hukum) Kitab Taurat, kemudian mereka itu tidak menyempurnakannya, adalah sama seperti keldai yang memikul kitab-kitab besar (sedang ia tidak mengetahui kegunaannya). Itulah seburuk-buruk bandingan bagi kaum yang mendustakan ayat-ayat keterangan Allah. Dan Allah itu tidak mengurniakan petunjuk kepada kaum yang zalim.”

Sebab itulah di Brunei, pastikan kita ini adalah benar-benar mengikut Al-Qur’an. Jangan diringan-ringankan ajaran Al-Qur’an dan jangan sebahagiannya saja yang diikuti sementara sebahagian yang lain lagi ditolak. Ini tidak boleh.

Di Brunei, kita tidak memakai budaya menebuk-nebuk atau memilih-milih ini tetapi budaya kita ialah beramal bulat-bulat dengan kebenaran. Apa-apa yang ugama dan Al-Qur’an suruh itulah yang kita buat.

Kerana itu suka beta mengingatkan supaya kita jangan sebarangan dalam perkara menghidangkan dakwah kepada masyarakat. Biarlah kita lebih berhati-hati dari terjebak kepada sikap meniru-niru atau menerima pakai resipi orang lain secara melulu. Kita elakkan dari mengimport masalah terutama dalam aspek amalan beragama.

Sesuai dengan tema sambutan pada tahun ini, ‘Al-Qur’an Suluh Umat Cemerlang’, maka kita patutlah bersyukur kerana negara ini ada memiliki sebuah buku, “Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya” yang akan beta lancarkan sebentar lagi. Ini adalah satu pencapaian bersejarah bagi Negara Brunei Darussalam. Buku ini merupakan hasil usaha anak-anak tempatan kita dari kalangan ulama dan ilmuwan lulusan Universiti Al-Azhar. Beta berharap ia akan menjadi bacaan dan rujukan umat Islam di negara ini. Seterusnya beta berharap Tafsirannya akan muncul kemudian walaupun mengambil masa yang lama.

Lagi mengenai Al-Qur’an, satu anugerah yang mengharumkan nama Negara Brunei Darussalam telah diterima oleh Institut Tahfiz Al-Qur’an Sultan Haji Hassanal Bolkia dengan mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa dengan menerima Anugerah Ma’had Tahfiz Al-Qur’an Al-Karim Mithali Bagi Tahun 1435 Hijriah di Majlis Penganugerahan Antarabangsa His Majesty King Abdullah bin Abdul Aziz Al-Saud bagi Al-Qur’an Al-Karim Kali Ketujuh di Arab

Saudi.

Dengan pengiktirafan yang sangat bermakna ini beta amat berkeyakinan ianya mampu untuk menjadi pembakar semangat Negara Brunei Darussalam untuk terus menjadi ahli Al-Qur'an yang terbaik yang meletakkan Al-Qur'an itu di tempatnya yang paling tinggi dalam semua aspek kehidupan.

Sekian, Wabillahit Taufeq Wal-hidayah Wassalamu'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.



**Titah Perutusan Sempena Hari Raya Aidilfitri  
Tahun 1435 Hijriah / 2014 Masihi  
di Istana Nurul Iman  
pada hari Isnin, 1 Syawal 1435 Hijriah /  
28 Julai 2014 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh  
Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,  
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu'  
Wassalaamu 'AlaAsyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammaddin,  
Wa'alaah Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Allahuakhbar, Allahuakhbar, Allahuakhbar, Walillahilhamd.

SETTINGGI-TINGGI syukur kita rafa'kan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana mengurniakan nikmat sihat dan nikmat rezeki luas sehingga dengan kurnia itu dapatlah kita menunaikan ibadat puasa dengan sempurna.

Di samping nikmat sihat dan rezeki luas kita juga menikmati keamanan dan kesejahteraan yang berterusan.

Dua nikmat yang bernama keamanan dan kesejahteraan ini pada hemat beta adalah lebih sukar untuk memperolehnya berbanding yang lain-lain.

Ini dapat dikesan daripada keadaan-keadaan yang ada di mana di seluruh pelusuk dunia ini telah sedia wujud kejadian-kejadian yang menggugat keamanan dan kesejahteraan itu.

Selain daripada fenomena alam yang datang bertali arus, juga krisis-krisis dalaman yang mencetuskan pelbagai kekacauan sangat berpotensi untuk menghancurkan keamanan dan kesejahteraan itu.

Apatah lagi jika di dalam sesebuah negara itu sedang bersarang gejala sosial terutama sekali gejala jenayah maka tidak syak lagi ia akan menjadi ancaman kepada keselamatan, keamanan dan bahkan nyawa.



Alhamdulillah, di negara kita perkara-perkara ini tidaklah berlaku. Tiada sesuatu pun yang boleh dianggap mengganggu keamanan. Semuanya adalah berjalan dengan baik belaka dengan rakyat pula sentiasa bersatu padu tanpa sebarang pertelagahan.

Beta percaya ini adalah tuah Brunei, berkat ianya sentiasa dikemudi dengan ugama. Kita dalam semua aspek kehidupan tidak akan membelakangi ugama tetapi sebaliknya meletakkannya paling hadapan sebagai suluh dan panduan.

Adalah ugama itu tidak pernah salah tetapi yang salah itu ialah kita sendiri bila mana kita memilih yang lain dari ugama.

Oleh itu pastikan kita ini akan kekal dengan ugama. Dalam menjalani kehidupan harian dengan ugama. Dalam membangun dengan ugama. Dalam mentadbir dengan ugama, bahkan semua urusan kita dengan ugama.

Jika semuanya itu dengan ugama maka sudah pasti tidak akan ada lagi satu ruang pun untuk diisi atau ditempati oleh “keburukan”.

Bukankah suasana tidak aman atau huru-hara atau kacau-bilau atau jenayah itu satu keburukan?

Semuanya ini oleh ugama adalah tidak dibenarkan berlaku, malah mesti diatasi atau dicegah daripada berlaku.

Kewajipan kita selaku siapa yang dikurniai dengan nikmat keamanan dan kesejahteraan itu ialah bersyukur dan terus bersyukur serta sambil berazam untuk memelihara dan mempertahankannya sampai bila-bila.

Ia adalah aset untuk dinikmati bukan saja oleh kita pada hari ini malahan juga oleh generasi akan datang sambung-bersambung. Kerana tanpa keamanan dan kesejahteraan hidup akan hambar dan tidak mungkin untuk mengecap kebahagiaan.

Adalah tidak adil rasanya jika kita sendiri saja yang asyik menikmati keadaan aman dan sejahtera itu sedangkan saudara-saudara kita di luar sana ada yang tidak dapat menikmatinya kerana negara mereka sedang mengalami pelbagai kekacauan ataupun peperangan atau bencana yang datang dengan tiba-tiba.

Kepada mereka itu kita hулurkan simpati yang mendalam serta doa semoga situasi akan segera bertukar kepada yang lebih baik hendaknya.

Allahuakhbar, Allahuakhbar, Allahuakhbar, Walillahilhamd.

Mengambil kesempatan disaat yang mulia ini, beta dan keluarga beta dengan ikhlas lagi sukacita mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada sekalian rakyat dan penduduk di mana jua mereka berada semoga kita sama-sama dapat menyambut hari bahagia ini dalam suasana riang gembira.

Allahuakhbar, Allahuakhbar, Allahuakhbar, Walillahilhamd.

Sekian, Wabillahit Taufeq Wal-hidayah, Wassalamu'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.



**Titah Sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang  
Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang  
Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-68  
pada hari Khamis, 18 Syawal 1435 Hijriah /  
14 Ogos 2014 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,  
Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu'  
Wassalaamu 'AlaAsyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin,  
Wa'ala Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

ALHAMDULILLAH, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya jua dapatlah kita meraikan Hari Keputeraan beta pada tahun ini dalam suasana aman dan sejahtera.

Terlebih dahulu, beta dengan tulus ikhlas ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada tetamu-tetamu khas beta yang sudi hadir ke istiadat ini dan juga kepada semua pihak yang telah menyembahkan perutusan ucap selamat kepada beta serta keluarga bersempena dengan perayaan ini.

Sekali lagi pada tahun ini istiadat perayaan diadakan selepas umat Islam di negara ini selesai menyempurnakan ibadat puasa Ramadan dan menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Alhamdulillah, dengan menyedari akan keberkatan berpegang teguh kepada ugama maka kita telah dapat meneruskan lagi kehidupan ini dengan penuh selesa serta dengan rancak dapat membangun di bidang-bidang yang diperlukan.

Beta sangat meyakini akan faktor keberkatan itu yang menjadikan Negara Brunei dapat berkembang dengan baik.

Di bidang ekonomi, penumpuan adalah sedang diberikan kepada mempelbagai dan menaikkan lagi kadar pertumbuhan ekonomi. Ini termasuklah antara lain dengan memudahkan kemasukan Pelaburan Langsung Asing dalam pelbagai sektor, memajukan sektor swasta, memperkasa Perusahaan Kecil dan Sederhana, meningkatkan produktiviti dan mewujudkan iklim pro-bisnes.

Dalam usaha mempelbagaikan ekonomi, beta sangat gembira mengetahui adanya inisiatif untuk menarik *Foreign Direct Investment* (FDI) yang berkualiti ke negara ini yang sudah pun menampakkan tanda-tanda pencapaian awalnya yang positif.

Di sektor hiliran minyak dan gas pula Pulau Muara Besar kini telah pun mula dimajukan bagi penyediaan tapak projek pembinaan kilang penapisan minyak bersepadu atau *integrated oil refinery* dan industri-industri berkaitan yang menjanjikan banyak peluang pekerjaan.

Sementara itu, sebuah kilang pembuatan ubat atau *pharmaceutical manufacturing plant* yang bertaraf dunia telah pun siap dibina dan kini sudah mula beroperasi.

Selain itu, sebuah syarikat terkemuka antarabangsa di bidang *simulation training* juga telah membina Multi-Purpose Training Centrenya di Negara Brunei Darussalam, sebagai pusat latihan utamanya di rantau ini. Ia juga sudah mula beroperasi.

Bio Innovation Corridor (BIC) seluas 500 hektar untuk menarik pelaburan dalam Penyelidikan dan Pembangunan, (R&D), pembuatan dan komersial adalah merupakan satu lagi sektor berpotensi untuk memantapkan lagi ekonomi serta mampu bagi membuka peluang-peluang pekerjaan secara lebih meluas.

Dalam ekonomi, objektif negara ialah untuk menjadi sebuah 'kuasa ekonomi' yang dinamik yang mampu untuk menduduki tempat ke sepuluh teratas di dunia dari segi pendapatan per kapita.

Ini bererti kita adalah dikehendaki untuk meningkatkan pendapatan negara ke tahap BND80 bilion menjelang tahun 2035 berbanding hanya BND20 bilion sahaja ketika ini. Ini juga turut merujuk kepada ekonomi negara supaya ia dapat tumbuh sekitar 5 ke 6 peratus setahun.

Oleh yang demikian beta berharap supaya semua pihak sama ada kerajaan mahupun swasta akan dapat melipatgandakan usaha masing-masing untuk mencapai sasaran ini.

Khusus mengenai peluang pekerjaan pula mengikut Banci Awal Majikan dan Pekerja 2013, dari seramai 140,000 tenaga kerja di dalam kira-kira 10,000 buah syarikat yang aktif, kira-kira 65 peratus adalah terdiri daripada pekerja asing. Maka sehubungan ini dengan

mengambil kira kadar pengangguran yang ada kita adalah wajar untuk mempunyai satu dasar pengisian pekerjaan yang seimbang.

Alhamdulillah, sejauh ini kita sudah dapat memenuhi sebahagian dari sasaran untuk mengurangkan pengangguran. Di sektor minyak dan gas sahaja misalnya sasaran sehingga 2014 untuk memberikan 3,000 peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan telah pun hampir tercapai.

Namun begitu kita juga tidak boleh lepas pandang terhadap peluang-peluang pekerjaan di sektor bukan minyak dan gas. Ke arah ini kerajaan beta telah memperkenalkan satu dasar baru untuk dilaksanakan secara berperingkat. Dasar itu pada asasnya adalah bertujuan untuk menyeimbangkan di antara pengambilan pekerja tempatan dan pekerja asing melalui kaedah-kaedah pengawalan tertentu.

Di bidang pendidikan kerajaan beta sangatlah prihatin terhadap semua sektor pendidikan bagi memenuhi keperluan sosioekonomi dan kesejahteraan di negara ini.

Di antara langkah yang telah dibuat ialah menyediakan satu skim yang dipanggil Skim Perkhidmatan Tenaga Akademik Institusi Pengajian Tinggi Awam bagi tujuan untuk menarik minat sumber tenaga manusia dari kalangan tenaga akademik yang berkualiti dan bertaraf dunia.

Beta juga telah memperkenankan satu Perintah Penubuhan Institut Pendidikan Teknikal Brunei selaku peneraju kepada kemajuan pendidikan teknikal dan vokasional.

Ini penting bagi melahirkan golongan berpendidikan mahir lagi *marketable* sebagai persiapan kita menghadapi cabaran-cabaran ekonomi yang bersifat global yang berteraskan *knowledge-based*.

Satu langkah untuk memberikan peluang kepada pelajar-pelajar yang tidak mampu memenuhi syarat menerima biasiswa supaya mereka itu dapat melanjutkan pengajian di institusi-institusi pengajian tinggi tempatan dan luar negara maka beta juga telah memperkenankan satu Skim Kemudahan Pinjaman Pendidikan. Skim ini akan memberikan kemudahan pinjaman kewangan yang *affordable* kepada pelajar-pelajar berkenaan bagi menampung kos pengajian dan sara hidup mereka.

Untuk mengatasi kelemahan-kelemahan tertentu khususnya bagi mata-mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Matematik, beta juga telah memperkenankan satu peruntukan tambahan berjumlah BND220 juta untuk tempoh selama tiga tahun bagi menampung kos mendatangkan tenaga pengajar daripada luar negara bagi mengajar mata-mata pelajaran berkenaan.

Di bidang infrastruktur perhubungan pula, Pelan Induk Pengangkutan Darat telah pun siap disediakan. Selain menyediakan jaringan perkhidmatan jalan raya yang efisien, pelan ini juga mengandungi blueprint kemajuan ekonomi di bawah sektor ini.

Projek meningkatkan infrastruktur pelabuhan dan memodenisasikan lapangan terbang yang sedang berjalan pada masa ini akan membuka luas pengkomersilan perkhidmatan-perkhidmatan di bawahnya bagi menjana lebih banyak lagi peluang perniagaan dan pekerjaan.

Di bidang kesejahteraan, perhatian adalah terus diberikan untuk menangani jenayah. Dalam hal ini beta ingin mengingatkan mengenai ancaman siber yang berbahaya terutama kepada kanak-kanak.

Kementerian Perhubungan adalah sedang giat merangka kerja-kerja untuk “Child Online Protection” bagi melindungi kanak-kanak yang menggunakan internet daripada terdedah kepada pengaruh-pengaruh negatif dan ancaman *cybercrime*.

Mengenai Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) insyaa-Allah, tidak lama lagi ia akan mempunyai fasiliti khemahnya sendiri di Daerah Temburong. Satu struktur organisasi baru untuknya telahpun beta perkenankan bagi memperkasakan lagi program ini.

Untuk memantapkan segala agenda pembangunan beta telah memperkenankan penubuhan Majlis Wawasan 2035 yang akan bekerjasama rapat dengan Jawatankuasa Tertinggi Rancangan Kemajuan Negara dan Unit PENGGERAK di Jabatan Perdana Menteri. Peranan utama majlis ini ialah untuk membantu secara insentif dan sistematik perlaksanaan usaha-usaha agensi-agensi kerajaan beta dalam merealisasikan hasil pencapaian objektif-objektif Wawasan 2035.

Di arena antarabangsa negara kita akan terus mengekalkan dasar berbaik-baik dan saling hormat-menghormati dengan negara-negara sahabat di samping mengukuhkan kerjasama di pelbagai bidang dan peringkat bagi keamanan dan kesejahteraan bersama.

Menyebut perkara keamanan dan kesejahteraan ini Negara Brunei Darussalam adalah sangat bersimpati terhadap rakyat dan negara Palestin yang sedang diragut keamanan dan kesejahteraan mereka oleh musuh yang tidak berperikemanusiaan. Musuh ini begitu tergamak membunuh kanak-kanak, kaum perempuan, orang tua dan lain-lain warga awam yang tidak berdosa. Mereka juga memusnahkan bangunan, tempat kediaman dan tidak terkecuali rumah ibadat dan sekolah tanpa mengambil kira jenayah ini dilakukan dalam bulan suci Ramadhan di mana orang-orang Islam sedang melaksanakan ibadat puasa.

Akhirnya beta dengan tulus ikhlas merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh lapisan rakyat dan penduduk, warga Perkhidmatan Awam, pasukan-pasukan keselamatan serta mereka yang berkhidmat di sektor swasta termasuk mereka yang bertugas di luar negara di atas sumbangan dan sokongan mereka kepada kerajaan beta.

Penghargaan yang setinggi-tingginya juga disampaikan kepada seluruh Ahli Jawatankuasa Perayaan di kedua peringkat kebangsaan dan daerah atas segala khidmat usaha untuk menjayakan perayaan ini.

Beta berdoa semoga kita semua serta Negara Brunei Darussalam akan senantiasa kekal aman dan makmur, dikurniakan dengan limpah rahmat dan perlindungan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Amin.

Sekian, Wabillahir Taufeq Wal-hidayah, Wassalamu'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.



**Titah Sempena Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri  
Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkhiah  
Bagi Tahun 1435 Hijriah / 2014 Masihi  
di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas,  
pada hari Sabtu, 26 Syawal 1435 Hijriah /  
23 Ogos 2014 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh  
Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,  
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu'  
Wassalaamu 'AlaAsyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin,  
Wa'alaah Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du

ALHAMDULILLAH, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana telah sempurna menunaikan ibadah puasa, dalam makna kita adalah orang yang berjaya dalam jihad melawan hawa nafsu. Selepas puasa, kita menyambut pula kehadiran Aidilfitri yang Mubarak dengan penuh selesa dan aman sentosa. Dan pada ketika inilah kita segera teringat kepada saudara-saudara kita seagama yang sedang menderita dilanda oleh pelbagai musibah seperti musibah bencana alam atau musibah peperangan atau lain-lain lagi seumpamanya. Adakah mereka itu dapat menyempurnakan kewajipan berpuasa dan merayakan Aidilfitri dengan selesa? Jawabnya tentu saja tidak. Berbanding dengan kita di segenap masa dan ketika sentiasa berhadapan dengan nikmat: Nikmat aman makmur, nikmat selesa menjalani ibadat dan nikmat bersuka ria. Semua ini tidak akan diperolehi melainkan ianya adalah datang daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Kerana itu janganlah kita lupa untuk mensyukuri nikmat ini. Jika disyukuri ia akan kekal, sebaliknya jika tidak ia akan hilang. Cara mensyukuri nikmat itu pula perlulah difahami. Kerana ia bukan urusan atau pilihan kita sendiri melainkan menyangkut satu cara khusus bagaimana ia mesti dilakukan. Apakah cara itu? Iaitulah dengan mensyukuri atau berterima kasih secara langsung kepada Allah dengan ucapan dan perbuatan. Dengan ucapan ialah seperti mengucapkan 'Alhamdulillah' dan dengan perbuatan pula melalui amalan takwa terhadap-Nya.



Amalan takwa ini bukan tertentu kepada pergi ke masjid sahaja atau melakukan ibadat di dalamnya tetapi ia boleh berlaku di mana-mana saja, di rumah atau di luar rumah, di pasar atau di premis-premis. Pendeknya di mana saja kita adalah dituntut untuk melakukannya sebagai kewajipan dan sebagai bukti kita ini bersyukur. Pendeknya apa jua yang kita lakukan boleh saja menjadi amalan takwa, sama ada ia melalui perkhidmatan-perkhidmatan di pejabat atau kita menjadi guru atau menjadi peniaga dan seumpamanya. Jika kita melakukan ini dengan lurus dan amanah, maka tidak syak lagi ia adalah amalan takwa.

Kita memang berhasrat untuk mengisi kehidupan ini dengan amalan takwa. Kerana kita tahu kehidupan yang berisi dengan amalan takwa itu adalah yang berkat. Oleh itu beta ingin menekankan supaya kita semua perlu beroleh berkat: Di dalam kehidupan para belia ada berkat, di dalam kehidupan pelajar-pelajar ada berkat dan di dalam kehidupan kita semua ada berkat. Pendeknya, dalam membangun pun perlu ada berkat.

Beta yakin jika pembangunan kita berkat maka tidak ada lagi yang perlu dirisaukan, semuanya itu akan jadi bagus dan berjalan dengan baik. Ekonomi insyaa-Allah akan tumbuh dengan pesat dan keamanan serta kesejahteraan juga akan dapat dinikmati berterusan. Ini adalah berdasarkan janji Allah bahawa berkat itu boleh turun dari langit dan tumbuh dari bumi apabila penduduk negeri beriman dan bertakwa.

Janganlah diabaikan perkara berkat, ia sangat penting untuk meraih kebahagiaan. Tidaklah cukup kita memiliki aset dari mata benda tanpa berkat menjadi paksinya. Aset yang kosong dari berkat tidak mungkin bertahan lama. Kerana itulah untuk mendapatkan berkat pada harta ianya mesti dizakat. Harta yang dizakat adalah harta yang tumbuh, bukan berkurangan.

Beta menyebut perkara berkat ini kerana kita baru saja melalui dua peristiwa yang penuh berkat iaitu umat Islam berpuasa dalam bulan Ramadan dan menyambut Hari Raya Aidilfitri dalam bulan Syawal. Demi keberkatan bulan-bulan ini serta ibadat yang kita lakukan di dalamnya. Maka kita memohon kepada Allah Subhanahu Wata'ala untuk menemukan kita lagi dengan bulan-bulan tersebut pada tahun-tahun yang mendatang. Amin.

Mengambil peluang di sini, beta ingin menyeru kepada sekalian umat Islam khususnya para belia dan pelajar supaya jangan memandang ringan perkara berkat. Kita jangan asyik mengagumi benda sahaja atau tunduk kepada teknologi moden semata-mata tetapi kalingalah juga perkara berkat kerana berkat itu lebih agung dan lebih menentukan. Daripada berkatlah mengalirnya pelbagai nikmat seperti nikmat keselamatan, keamanan dan kemakmuran. Ini semua tidak boleh tercetus dari benda mahupun dari teknologi.

Sekian, Wabillahit Taufeq Wal-hidayah, Wassalamu'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakatuh.



**Titah di Upacara Sovereign's Parade Pengambilan  
Ke-11 Sekolah Pegawai Kadet, Akademi Pertahanan,  
Angkatan Bersenjata Diraja Brunei  
di Sekolah Pegawai Kadet, Perkhemahan Sungai Akar,  
pada hari Khamis, 2 Zulkaedah 1435 Hijriah /  
28 Ogos 2014 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh  
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,  
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu  
Wassalaamu 'AlaaAsyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin  
Wa'alaah 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

DENGAN rasa bangga beta mengucapkan syabas kepada Pegawai-  
Pegawai Kadet yang telah melakukan perbarisan sebentar tadi.  
Beta bersyukur kerana dapat hadir di upacara Sovereign's Parade  
Pegawai-Pegawai Kadet Pengambilan Ke-11, Sekolah Pegawai Kadet,  
Akademi Pertahanan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Beta juga tidak lupa merakamkan ucapan tahniah kepada 17 orang  
Pegawai Kadet Pengambilan Ke-11 yang telah menjalani latihan  
intensif mereka selama 42 minggu.

Pegawai-pegawai ini boleh dianggap berani menyahut cabaran dan  
telah meletakkan impian mereka untuk menjadi pegawai tentera di  
dalam ABDB.

Kesungguhan dan ketabahan mereka melalui pelbagai rintangan  
dan liku-liku latihan amatlah dihargai dan malah dikagumi.

Kejayaan ini, pada hemat beta adalah berkait rapat dengan kerja  
keras dan semangat juang yang tinggi.

Inilah hakikat, sesuatu yang hendak dicapai itu memerlukan kerja  
keras dan semangat yang sentiasa hangat.

Peristiwa hari ini tidak diragukan lagi adalah satu pencapaian  
besar bagi setiap pegawai. Ia juga menjadi detik sejarah yang sangat  
bermakna kepada diri mereka masing-masing.

Sebagai bakal peneraju kepada kepimpinan ABDB, pegawai-pegawai kadet dikehendaki memiliki nilai-nilai luhur ketenteraan seperti takwa, setia, berani dan profesional.

Dengan berpegang teguh kepada nilai-nilai ini mereka akan benar-benar menjadi wira yang bertanggungjawab yang mampu untuk melaksanakan tanggungjawab itu dengan lebih berkesan.

Proses permodenan dan peningkatan keupayaan tentera mestilah didukung oleh sumber manusia yang terlatih lagi berkaliber. Ini sangat penting bagi memastikan pertahanan dan keselamatan negara mampu dikendalikan dengan sempurna.

Walaupun negara sentiasa berada dalam keadaan aman dan sejahtera namun kita tidaklah boleh leka berdasarkan keadaan-keadaan di luar jangkaan mungkin saja membawa impak yang tidak diinginkan yang perlu dihadapi.

Adalah menjadi keutamaan mempertahankan kedaulatan tanah air. Setiap orang tidak boleh lari daripadanya lebih-lebih lagi para perajurit, mereka itulah yang paling hadapan sekali sebelum lagi orang lain.

Atas kepentingan inilah Sekolah Pegawai Kadet, Akademi Pertahanan ditubuhkan bagi melahirkan barisan pegawai dan pemimpin yang benar-benar mampu untuk menanai tanggungjawab ketenteraan dengan berkesan.

Sehubungan itu, beta juga mahu supaya Akademi Pertahanan mempertingkatkan terus prestasi latihan dan pembelajaran untuk memenuhi misi dan visi penubuhannya.

Langkah-langkah peningkatan itu perlu diteliti sehalusnya supaya ia benar-benar selaras dengan aspirasi negara.

Ini juga turut berkaitan dengan Sekolah Pegawai Kadet dalam usahanya untuk memantapkan kepimpinan melalui pembentukan 'Leadership Model' pegawai tentera.

Usaha ini cukup relevan kerana kepimpinan adalah penentu bagi keberkesanan institusi pertahanan.

Akhir kata beta mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada seluruh warga Akademi Pertahanan khususnya Komandan, Pegawai Pemerintah, Colour Sergeant dan para pegawai serta jurulatih yang telah bertungkus-lumus melatih dan mendidik pegawai-pegawai kadet sehingga sampai ke penghujungnya.

Dalam kesempatan ini beta juga menghargai peranan para ibu bapa serta kaum keluarga pegawai-pegawai kadet yang telah banyak berkorban demi kejayaan anak-anak mereka. Tanpa sokongan padu mereka ini kejayaan pegawai-pegawai tersebut tidak akan menjadi kenyataan.

Maka dengan merafakkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan berkat kalimah Bismillahir Rahmanir Raheem, beta dengan ini sukacita mengurniakan tauliah sebagai Pegawai Tentera ABDB kepada 17 orang Pegawai Kadet Pengambilan Ke-11.

Sekian, Wabillahit Taufeq Wal-hidayah, Wassalamu'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakatuh.



**Titah Sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan  
Kali Ke-9 Tahun 2014,  
di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara  
Hassanal Bolkiah,  
pada hari Rabu, 8 Zulkaedah 1435 Hijriah /  
3 September 2014 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh  
Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,  
Wabihee Nasta'enu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu'  
Wassalaamu 'AlaAsyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin,  
Wa'alaah Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

ALHAMDULILLAH, beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya jua dapatlah kita pada hari ini bersama-sama lagi berkumpul dalam perhimpunan Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Kesembilan bagi tahun 2014. Beta sukacita mengucapkan Selamat Menyambut Hari Belia Kebangsaan 2014 kepada semua para belia di negara ini.

Para belia mempunyai peranan yang sangat besar dalam memelihara dan mengangkat martabat negara. Mereka juga adalah golongan paling berpotensi untuk mencorakkan bangsa dengan apa jua corak yang mereka mahu. Bukankah hampir 50 peratus dari jumlah penduduk negara ini terdiri daripada kaum belia? Jumlah yang sebesar ini merupakan satu kuasa tersendiri.

Kaum belia perlu menggunakan kelebihan ini untuk membina diri mereka sendiri dan juga masyarakat. Dengan kelebihan yang ada itu mereka adalah mampu untuk terus berkembang dengan merebut pelbagai peluang yang sentiasa terbuka luas di hadapan mereka. Peluang-peluang tersebut turut meliputi seperti peluang menambah kebolehan dan kemahiran.

Kaum belia juga adalah agen kepada perubahan. Namun dalam perkara perubahan ini, semua kita lebih-lebih lagi kaum belia adalah dikehendaki supaya lebih bijak dan berhati-hati dalam menilai dan memilih perubahan itu. Kerana bukanlah semua perubahan itu baik, malah ada yang memerlukan kita supaya mengelaknya iaitu jika perubahan itu membawa impak tidak baik atau tidak selaras dengan aspirasi bangsa.

Sebelum membawa atau melahirkan sebarang perubahan, kaum belia dikehendaki untuk memiliki jati diri yang jelas, kukuh dan mantap. Ia juga mustahak untuk diisi dengan nilai-nilai ugama dan budaya yang luhur supaya kelak perubahan itu tidak dibayangi oleh elemen-elemen yang tidak diinginkan.

Jika sesuatu perubahan itu menampilkan kebatilan maka perubahan seperti ini tidaklah dialu-alukan, kerana kemunculannya bukan membawa kebaikan tetapi sebaliknya mengundang kerosakan. Ini sangat biasa terjadi di mana-mana atas nama perubahan, kalau perubahan itu berunsur malapetaka maka masyarakat yang menerimanya akan menderita jadinya.

Kita di Brunei perlulah berhati-hati dengan perkara seumpama ini. Cari dan rancanglah perubahan yang membina, bukan perubahan yang merosak. Janganlah belajar atau mengambil dari mana-mana yang tidak bermanfaat untuk dipelajari tetapi belajarlah dari mana dan kepada siapa yang patut dicontohi.

Iniilah cara mengendalikan diri. Para belia mustahak memahami perkara ini. Mengendalikan diri itu bererti juga menguasai keadaan di mana yang perlu. Iniilah cabaran yang sangat sukar untuk dihadapi iaitu cabaran Abad Ke-21 era globalisasi. Cabaran ini tidak pernah sunyi dari agenda memusnahkan kebenaran.

Di sinilah para belia tidak boleh memandang ringan sebarang cabaran tetapi mustahak menghayati saranan tema Hari Belia Kebangsaan pada tahun ini 'Bersatu Menghadapi Cabaran Abad Ke-21'.

Sesungguhnya abad ini memang penuh dengan cabaran. Tidak siapapun yang boleh terlepas dari cabaran sama ada cabaran itu membina atau meruntuh. Jika cabaran membina, ia wajar kita sambut dengan keghairahan sementara jika cabaran itu meruntuh, maka kita adalah berkewajipan untuk menyambutnya dengan semangat menolak atau melawan, dalam makna kita perlu berjaya menolak atau menggagalkannya. Jika kita berjaya menolak atau menggagalkan cabaran seperti ini bererti kita adalah penyelamat: penyelamat diri sendiri, penyelamat masyarakat dan penyelamat negara.

Para belia mesti tampil menjadi wira keadaan. Corakkanlah keadaan itu dengan kebajikan. Biar ia malar tenteram dan menyenangkan serta berhias dengan perpaduan, persefahaman, dan keharmonian.

Satu contoh bagus tentang perpaduan dan persefahaman terdapat dalam acara-acara Kejohanan Bola Sepak Piala Hassanal Bolkiah Peringkat Belia. Melalui acara-acara ini kita dapat menyaksikan kumpulan belia negara-negara ASEAN dan Timor Leste sedang beraksi merealisasikan perpaduan dan persefahaman di antara mereka. Suasana seperti ini amatlah membanggakan dan malah menghiburkan.

Kita juga gembira kerana kejohanan ini telah turut diiktiraf oleh Asian Football Confederation (AFC) dan ASEAN Football Federation (AFF) sebagai satu kejohanan bola sepak belia yang terunggul di rantau ini.

Ini tidak syak lagi adalah merupakan satu lagi pencapaian bagi agenda dunia 'Sukan untuk Keamanan dan Pembangunan' atau *Sports for Peace and Development*.

Untuk akhirnya beta mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada pasukan Tebuan Muda Negara Brunei Darussalam di atas mutu persembahan mereka yang baik walaupun tidak dapat meneruskan sehingga ke pusingan berikutnya.

Sekian, Wabillahit Taufeq Wal-hidayah, Wassalamu'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.





**Titah Sempena Majlis Konvokesyen Ke-26 Universiti  
Brunei Darussalam (UBD)  
di Dewan Canselor UBD,  
pada hari Sabtu, 11 Zulkaedah 1435 Hijriah /  
6 September 2014 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh  
Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,  
Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu'  
Wassalaamu 'AlaAsyarafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin,  
Wa'alaah Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

BETA bersyukur kerana dapat pula pada pagi ini bersama-sama hadir di Majlis Konvokesyen Kali Ke-26 Universiti Brunei Darussalam.

Terlebih dahulu beta dengan sukacita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian mereka. Kejayaan ini kita sifatkan baru sebagai anak tangga pertama untuk mendaki ke tingkat yang lebih tinggi.

Sektor pengajian tinggi adalah nadi pembangunan negara. Kerana itu beta sangat teruja untuk mengucapkan syabas kepada Universiti Brunei Darussalam yang telah mencapai kedudukan dalam QS Asia University Rankings pada tahun ini.

Kejayaan ini menunjukkan UBD adalah semakin matang dan mendapat pengiktirafan antarabangsa. Namun UBD perlu ingat bahawa dalam pembelajaran dan pendidikan itu tidak ada titik penyudahnya melainkan semuanya adalah dinamik dan selalu berubah.

Oleh itu beta mengingatkan agar UBD terus berlari bukannya melangkah dengan langkah longlai ke arah menempatkan dirinya di antara institusi-institusi tertinggi di dunia. Peringatan ini juga turut ditujukan kepada semua institusi pengajian tinggi di negara ini. Adalah sudah sampai masanya untuk kita mesti bersaing bukannya setakat menonton orang lain bersaing.

Menyebut tentang persaingan ini, ia tidak mungkin berlangsung tanpa adanya tenaga akademik yang berkualiti tinggi. Kerana itu sebagai galakan kepada tenaga akademik tempatan khususnya beta

telah pun memperkenankan Skim Perkhidmatan Tenaga Akademik Bagi Institusi Pengajian Tinggi Awam. Skim ini dihasratkan sebagai penghargaan kepada tenaga akademik yang berprestasi cemerlang mengikut piawaian antarabangsa.

Beta ingin menyarankan di sini supaya hanya tenaga akademik yang benar-benar layak sahaja yang diresapkan ke dalam skim ini.

Beta adalah turut memahami bahawa bukan semua tenaga akademik itu mempunyai status yang diharap-harapkan. Seperti golongan yang lain juga mereka itu ada yang dedikasi dan ada juga yang tidak. Begitu juga ada yang rajin dan berwawasan di samping ada juga yang sebaliknya.

Mereka yang tidak rajin dan tidak berwawasan itu mungkin sahaja dapat dilihat sebagai cuma tahu mengajar semata-mata sebagai memenuhi jadual tetapi selesai mengajar tidak ada apa-apa yang dibuat. Dalam makna pada setiap hari cuma rutin mengajar sahaja sedang selebihnya adalah kosong dan tidak ada apa-apa.

Tenaga akademik yang seumpama ini boleh disifatkan sebagai tidak kreatif. Ia adalah jumud atau beku, tidak boleh menyumbang kepada perkembangan dan kemajuan ilmu. Kerana itu tidak pelik jika seseorang itu walaupun telah berkhidmat berbelas-belas tahun lamanya selaku tenaga akademik namun tiada sebuah pun buku atau kajian dapat dihasilkan.

Selain tenaga akademik para graduan juga adalah dinilai dengan penilaian yang sama. Mereka juga boleh didapati dalam kedudukan yang berbeza-beza, sekalipun mereka berada di peringkat dan bidang pengajian yang sama. Misalnya di antara mereka itu ada yang lebih berminat kepada bidang penyelidikan sementara yang lain pula tidak atau kurang meminatinya. Di antara kedua-dua kategori ini, sudah pasti, kualiti mereka adalah berbeza.

Menyebut mengenai penyelidikan ini, kerajaan beta telah menyediakan satu Skim Biasiswa Lulusan Ijazah (Graduate Research Scholarship). Ia ditawarkan kepada pelajar-pelajar tempatan dan antarabangsa. Dan pada hari ini penganugerahan pertama Ijazah Kedoktoran bagi graduan di bawah skim ini akan menjadi kenyataan. Kita ucapkan syabas kepada penerimanya itu.

Beta sangat ingin melihat skim ini dapat membantu perkembangan penyelidikan dan inovasi dalam bidang yang boleh menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Dalam perkara ekonomi, UBD juga patutlah merancang untuk melahirkan graduan-graduan yang *marketable*, yang juga mampu berdiri sendiri melalui keusahawanan. Melalui pendidikan, kita juga perlu berubah dan malah berani untuk mengubah: sikap suka menunggu-menunggu pekerjaan, menjadi budaya proaktif: suka berkarih dan berbasah bekaring.

Sehubungan ini, *The National Entrepreneurship Agenda* dalam pendidikan telah pun bertapak di UBD dan telah berjalan dari awal tahun lagi. Ia bertujuan untuk memupuk keusahawanan dari awal pendidikan sampailah ke pengajian tinggi.

Menyebut lagi berkenaan dengan program pendidikan dan penyelidikan, beta telah pun memperkenankan penubuhan Centre for Advanced Material and Energy Sciences yang bertanggungjawab untuk melaksanakan penyelidikan saintifik *inter-disciplinary* dalam bidang sains material dan tenaga untuk melatih sumber manusia bagi keperluan industri berteknologi tinggi. Beta mengambil maklum inisiatif ini adalah kerjasama rapat di antara UBD, Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri dan industri.

Ini semua adalah merupakan langkah ke arah membina kapasiti dan kualiti pendidikan bagi generasi masa kini dan akan datang. Dalam keghairahan kita menuju matlamat ini beta sedikit kecewa apabila mendengar ada khabar-khabarnya dalam kalangan ibu bapa dan penjaga yang masih kurang memberikan perhatian terhadap kedatangan anak-anak mereka ke sekolah. Sesungguhnya perkara ini amatlah tidak wajar untuk berlaku.

Ini baru mengenai kedatangan, belum lagi lain-lain perkara seperti mengawal disiplin anak-anak dan memberikan perhatian atau pengawasan terhadap kegiatan-kegiatan di luar sekolah. Jika dalam perkara kedatangan anak-anak pun ibu bapa boleh terlepas pandang, betapa dengan kegiatan-kegiatan mereka yang memang susah untuk dikesan seperti kecenderungan melayari internet secara bersembunyi-sembunyi, adakah para ibu bapa dan penjaga juga mengambil berat?

Beta secara telus berpendapat jika para ibu bapa dan penjaga gagal untuk memberikan perhatian yang sewajarnya kepada anak-anak maka impian kita dan hasrat negara bagi melihat lahirnya generasi yang cemerlang tidak akan tercapai.

Oleh itu semua kita para ibu bapa dan penjaga perlulah lekas-lekas muhasabah sama ada kita sudah menjalankan tanggungjawab kita dengan sempurna demi untuk satu generasi cemerlang yang terdiri daripada anak-anak kita sendiri.

Akhir kalam beta mengambil peluang mengingatkan para graduan supaya mengekalkan identiti kebruneian yang berpaksikan Melayu Islam Beraja. Peliharalah ia sampai ke generasi turun-temurun.

Beta tidak lupa merakamkan ucapan terima kasih kepada semua warga Universiti Brunei Darussalam yang merangkumi Ahli-Ahli Majlis dan Senat Universiti, Naib Canselor, Pegawai-Pegawai Utama, Ahli-Ahli Akademik dan seluruh pegawai serta kakitangan universiti di atas segala sumbangan dan khidmat mereka. Semoga Allah juga akan membalas mereka dengan ganjaran-Nya yang berlipat ganda.

Sekian, Wabillahit Taufeq Wal-hidayah Wassalamu'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.



**Address by His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah  
Mu'izzaddin Waddaulah  
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien  
Sa'adul Khairi Waddien,  
the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam  
at The UN Climate Summit 2014, New York  
on 23<sup>rd</sup> September, 2014**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh  
Bismillahir Rahmaanir Raheem

Mr. President,

It is a pleasure to be here today to share our experiences and exchange ideas on how we can address climate change.

I commend the Secretary-General for his continuous efforts in bringing global attention to one of the world's greatest challenges.

My thanks also to the government of the United Arab Emirates for hosting the Abu Dhabi Ascent and the Intergovernmental Panel on Climate Change (IPCC) for its valuable work.

Mr. President,

Frequent occurrences of extreme weather events have led to considerable loss of life and property and threatened the livelihoods of communities around the world.

Failing to act decisively and collectively now may prove to be detrimental to global security, development and prosperity.

This is why it is essential to realise a new and meaningful global climate agreement by 2015.

I believe that every country has the responsibility to address this issue based on the principle of "common but differentiated responsibilities and respective capabilities".

Our actions in addressing climate change have to be effective and comprehensive.

It is important that countries, particularly developing nations, are properly equipped to face climate change and its adverse effects.

To do this, new skills must be acquired, expertise needs to be shared and the required modern technology should be affordable and accessible to all.

These priorities need to be reflected in the new climate agreement next year and would make a positive contribution to the wider UN development agenda.

Mr. President,

As reflected in Brunei Darussalam's "Vision 2035" development plan, our priority is to safeguard the welfare of our people.

A key part of this plan includes ensuring a clean, green and healthy environment for every citizen.

In this regard various effects have been undertaken to achieve environmentally sustainable development.

I am pleased to inform this meeting that Brunei Darussalam is targeting a 63 per cent reduction in our total energy consumption by 2035.

We aim to achieve this by reducing fossil fuel demand for inland energy use and through a revised power tariff that encourages energy savings.

As of 2013 Brunei Darussalam has managed to attain an average reduction in energy consumption of 13.9 percent.

My Government also further aspires to generate at least 10 percent of total power from new and renewable resources by 2035.

At the regional level, we are also pleased to be working with the United States to promote collaboration in renewable energy under the East Asia Summit process.

Mr. President,

For the past 80 years forest conservation has been an important part of our national development strategy.

Today 75 per cent of Brunei Darussalam's land area is covered by tropical rainforests comprised of highly diverse ecosystems.

In addition, Borneo's pristine peat swamp forests which act as a carbon sink to counter emissions are acknowledged by scientists as being some of the only remaining examples of their kind in the world.

Our commitment to preserving our environment is further reflected through the allocation of 58 percent of our land area to the "Heart of Borneo" forest conservation initiative.

We continue to work with our neighbours, Indonesia and Malaysia and other international partners such as the World Wildlife Fund (WWF) in this endeavor.

We thank our partners for their contribution and welcome others who are interested to work with us in protecting this valuable asset.

Furthermore, the Heart of Borneo provides priority areas for biodiversity and environmental research.

These forms of research have been conducted by University Brunei Darussalam in cooperation with other academic bodies under the International Consortium of Universities for the study of Biodiversity and the Environment.

Our next step to enhance conservation efforts is through the Coral Triangle Initiative which will endeavor to protect our marine resources and thereby protect our environment as a whole in a more comprehensive manner.

Mr. President,

Our people have high expectations on what we can achieve here today.

Brunei Darussalam is ready to play its part in this important global issues with the UN and the rest of the world.

We must succeed in generating the political commitment and momentum to move ahead with born urgency and practical actions to meet this great challenge.

Together we can create a sustainable future for generations to come.

Thank you.

Wabillahit Taufeq Wal-Hidayah Wassalamu'Alaikum  
Warahmatullaahi Wabarakaatuh.





**Address by His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah  
Mu'izzaddin Waddaulah,  
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien  
Sa'adul Khairi Waddien,  
the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam  
At The 69<sup>th</sup> UNGA General Debate Statement,  
UN Headquarters, New York  
on 25<sup>th</sup> September 2014**

Theme : Delivering on and implementing a transformative post-2015 development agenda.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh  
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,  
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen Wassalatu  
Wassalaamu 'AlaaAsyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin,  
Wa'alaa Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

MR. President,

Secretary-General,

Your Excellencies,

Allow me to join earlier speakers in offering my congratulations to His Excellency Sam Kutesa on his election as President of the 69<sup>th</sup> General Assembly.

My thanks also to our outgoing President, His Excellency John Ashe for his excellent work over the past year, especially his contribution to the discussions on the post-2015 development agenda.

My profound appreciation to the many UN officials, peacekeepers and volunteers in the field who often work in the most difficult conditions and put their lives at risk.

It is also fitting to offer our thanks and gratitude to the Secretary-General and his team for tirelessly promoting the cause of this world body especially on urgent matters affecting the livelihoods and security of our peoples.

I also deeply appreciate his personal support at the 5<sup>th</sup> ASEAN-UN Summit in Brunei Darussalam last year.

Mr. President,

Today is a special occasion for me personally and for Brunei Darussalam as a nation.

It marks the 30<sup>th</sup> anniversary of our membership to this esteemed Organisation. Looking back the world was then divided ideologically.

Now we are linked by globalisation and interdependence in search of a united approach to address the many challenges faced by the human race.

As we confront old and new problems, I believe the UN is best place to address them collectively.

This is its strength and today it is evident as we strive to realise the Millennium Development Goals (MDGs).

Mr. President,

We are fast approaching the targeted timeline of the Millennium Development Goals.

And we in Brunei Darussalam are pleased to see that there is concerted global commitment and consensus to eradicate extreme poverty and further promote peace and sustainable development.

Brunei Darussalam actively contributes to regional and international efforts on training and capacity building through the Initiative of ASEAN Integration and through collaboration with the United States in an English Enrichment Programme for ASEAN.

Similar undertakings have also been carried out through the Commonwealth Fund for Technical Cooperation.

The work of the UN and its relevant stakeholders in leading the way forward beyond 2015 is indeed laudable.

I am encouraged that we have accomplished a great deal in the current initiative.

We have also learned many valuable lessons that will help carry us through our journey over the coming decades.

It is re-assuring to know that extensive discussions and wide ranging consultations have been conducted in shaping a universal framework for delivering and implementing a transformative post-2015 development agenda.

I therefore welcome the new development agenda and its emphasis on the importance of process of human development that is inclusive, people-centered and sustainable.

These elements are also integral to Brunei Darussalam's National Vision 2035 which is dedicated to improving the welfare of our people and ensuring a high quality of life.

I am also pleased that there is unanimous agreement on the importance of protecting the environment.

In this regard I much value the convening of the UN Climate Summit in galvanizing support to address the impact of climate change towards ensuring a dynamic and sustainable post-2015 agenda.

However the full realization of our noble aspirations for the near future and the decades to come faces many obstacles.

The international and regional situation continues to be threatened by instability, injustices, social and economic inequalities, and increasingly frequent occurrences of natural disasters.

Whilst there is relative peace and stability in the world, developments over the past year have reminded us how complex security issues can turmoil and instability that threatens progress in long-term development.

We are gravely concerned with security developments in many parts of the world.

Further escalation of conflicts can weaken the international community's resolve and ability to work together to achieve our worldwide initiatives.

Brunei Darussalam for its part has participated in UN peacekeeping specifically UNIFIL and other international peace monitoring missions such as our work in the Southern Philippines.

We remained committed to such endeavours.

The overall outlook is further complicated by challenges that are global in nature, ranging from the impact of climate change, extremist and terrorism, to the serious repercussions of pandemic diseases.

Brunei Darussalam stands united with the international community in combatting terrorism in all its form and in rejecting extremism.

We support all regional and international efforts in countering terrorism.

And we will continue to participate in global initiatives such as inter-faith dialogues and dialogues amongst civilizations to promote understanding, tolerance and respect amongst world communities.

Mr. President,

I call upon all nations to take concerted action in working to ensure that the rapid pace of globalization and inter-connectedness brings wide-ranging benefits to all our peoples and communities.

Mr. President,

And in securing the positive aspects of globalization, we must as a community of nations work closely together.

We must renew our approach to governance and strengthen cooperation especially in resolving new issues which require collective global action and unity of purpose.

I wish to emphasise the need to work in a comprehensive manner especially in guaranteeing peace and security.

The quality of life of our peoples can only be further enhanced through inclusive economic development as well as equitable social progress.

At the same time all our efforts to develop our economies should not

be to the detriment of our natural environment.

These are areas which demand renewed commitment, partnership and creativity within our global community.

I would also like to underscore the importance of strengthening our capabilities in disaster management.

The frequent recurrence and growing intensity of natural disasters in recent years has caused much destructions and hardship to many communities around the world.

Last year Brunei Darussalam hosted a humanitarian assistance and disaster relief exercise amongst military personnel from across the Asia Pacific.

This was the first such event of its kind under the auspices of the ASEAN Defence Ministers Meeting Plus process.

During the exercise I was most inspired to witness the close cooperation and unity shown by the diverse range of participants from different nations, cultures and backgrounds, all striving together to practice saving lives.

Such regional efforts share just a modest step.

Most importantly the fundamental principle of mutual respect and trust, putting aside differences, upholding the rule of law and justice, and promoting cooperation should serve as the basis for resolving conflicts so that we can all enjoy continued peace and stability.

In the same spirit I also hope that we can overcome our differences and move forward in further opening up global trade.

Mr. President,

All our efforts to realise the MDGs will be in vain if at the same time we disregard our commitments to pursue peaceful means of setting disputes as enshrined in the charter of the UN.

The escalation of disputes and threats to international peace and security have resulted in appalling human tragedies such as the downing of flight MH17 and the current dire situation in Gaza.

Although prospects of all out war seem remote today, instances of worsening situations, skirmishes and brinkmanship, have shown us all too well how the threat of conflict and violence remains an obstacle to our long-term aspirations for a better world.

On Palestine, freedom and justice is long overdue.

The cycle of suffering experienced by our Palestinians brothers and sisters is a stark example of how little our development goals mean if there is no peace and stability.

The Palestinian people must be granted their basic rights to live in dignity and enjoy economic development.

We are encouraged by the observance of the current ceasefire by the parties involved.

I much appreciate the efforts of other countries which have made this possible.

Mr. President,

Looking to the future, I remain hopeful.

I still firmly believe that we need this Organisation to ensure that the generations to come will enjoy a secure and prosperous future.

The world has changed fundamentally since the adoption of the MDGs, and I am confident that the UN will continue to be a source of hope.

It is important that all states do everything they can to make positive contributions to this Organisation.

Wabillahit      Taufeq      Wal-Hidayah      Wassalamu'Alaikum  
Warahmatullaahi Wabarakaatuh.



## **Titah Perutusan Sempena Hari Raya Aidiladha Tahun 1435 Hijriah / 2014 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh  
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,  
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu  
Wassalaamu 'AlaaAsyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin,  
Wa'ala 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Allahuakhbar! Allahuakhbar! Allahuakhbar! Walillahil Hamd!

SUDAH menjadi kelaziman melafazkan takbir di Hari Raya boleh membawa kepada khusyuk dan sayu disebabkan hati telah bergetar apabila mengingat kehebatan dan kebesaran Allah. Lebih-lebih lagi apabila ia dilafazkan secara beramai-ramai.

Takbir adalah lafaz membesarkan Allah. Kita menjawat kemerdekaan pun adalah dengan lafaz ini. Inilah lafaz keramat bagi kita orang-orang Brunei khususnya dan seluruh umat Islam amnya.

Dengan lafaz inilah Brunei bertolak selaku sebuah negara merdeka dan selepas itu ia terus bergerak maju sehingga ke hari ini dengan berkat dan semangat takbir ini juga. Brunei tidak syak lagi boleh disifatkan sebagai negara yang tumbuh dan mekar dengan takbir dan zikir.

Berkat Brunei dikaitkan dengan takbir dan zikir itu menjadikannya sebuah negara yang benar-benar unik yang dikagumi dan dihormati. Di Brunei, orang boleh menyaksikan banyak perkara yang tidak mudah didapati di tempat lain. Misalnya jika orang ingin melihat keamanan insyaa-Allah keamanan itu ada di Brunei. Jika orang ingin melihat keharmonian, juga keharmonian itu ada di Brunei. Jika orang ingin melihat keadilan, juga silakan. Di Brunei tidak ada orang yang dianiaya atau teraniaya. Dan jika mahu melihat perpaduan, juga silakan. Di Brunei tidak pernah wujud pertelagahan di antara sesama rakyat mahupun penduduk.

Beta percaya ini semua adalah ketentuan Allah jua, berkat kita mengagungkan-Nya dengan takbir dan zikir kepada-Nya.

Allahuakhbar! Allahuakhbar! Allahuakhbar! Walillahil Hamd!

Kewajipan kita sekarang ialah berusaha untuk memastikan bahawa segala nikmat ini akan berkekalan dengan cara kita mestilah konsisten memelihara keamanan, keharmonian, keadilan dan perpaduan tersebut. Kita jangan biarkan ia cacat walaupun sedikit.

Maka untuk itu amatlah mustahak dikemaskan segala mekanisme kita. Pihak-pihak yang berkenaan dengan keselamatan dan keamanan umpamanya hendaklah sentiasa berwaspada dan jangan sekali-sekali terpedaya oleh taktik-taktik jahat dan anasir-anasir keselamatan dan keamanan itu.

Baru-baru ini negara dikejutkan oleh satu kejadian pembunuhan di tempat orang ramai beriadah. Kejadian ini sangatlah dikesali kerana ia boleh menjejaskan rekod selamat dan rekod aman bagi negara ini. Beta sangatlah prihatin dengannya.

Sehingga kini kita masih lagi terus mencari siapa pelakunya, sama ada ia orang Brunei sendiri ataupun pendatang daripada luar. Namun kepada kedua-duanya kita tetap memberi amaran bahawa Brunei bukanlah tempat untuk bersenang lenang bagi penjenayah.

Beta menggesa kepada pihak-pihak keselamatan supaya jangan berhenti daripada memburu penjenayah sehingga tertangkap dan juga jangan lalai dari meningkatkan usaha dan langkah ke arah pencegahan jenayah dan penjenayah itu.

Kepada orang ramai berikanlah kerjasama yang padu kepada pihak-pihak penguatkuasa keselamatan sehingga dengan adanya kerjasama itu akan mengesankan lagi langkah-langkah pencegahan terhadap jenayah.

Beta tegaskan Brunei sama sekali tidak akan berlembut dengan penjenayah, sama ada jenayah itu jenayah ringan mahupun berat.

Allahuakhbar! Allahuakhbar! Allahuakhbar! Walillahil Hamd!



Mengambil semangat di Hari Raya Agung, Aidiladha, marilah kita mencontohi peribadi Nabi Ibrahim 'Alaihissalam yang sangat taat menjunjung titah perintah Allah. Baginda bukan sahaja terkenal dengan kepatuhan dan ketaatan menjunjung titah perintah Allah untuk mengorbankan anaknya Nabi Ismail 'Alaihissalam malahan juga seorang Nabi yang sangat berjasa kepada keamanan dan kemakmuran ummah.

Jasa baginda itu sangatlah luar biasa sehingga tidak mampu untuk ditandingi oleh sesiapa pun. Jasa baginda yang besar itu ialah mendoakan Mekah menjadi sebuah tempat atau negeri yang aman sentosa dan diberikan rezeki atau kemakmuran dari pelbagai buah-buahan (lihat maksud Surah Al Baqarah, ayat 126).

Sehingga ke hari ini kita masih saja terus menyaksikan kesan daripada doa baginda itu. Bukan penduduk Mekah sahaja yang menikmatinya bahkan kita umat Islam dari seluruh dunia juga turut sama-sama menikmati keamanan dan kemakmuran itu, khususnya apabila kita berada di Tanah Suci Mekah.

Allahuakhbar! Allahuakhbar! Allahuakhbar! Walillahil Hamd!

Marilah kita mencontohi perbuatan Nabi Ibrahim 'Alaihissalam untuk mendoakan negara kita sendiri, Brunei Darussalam supaya sentiasa berhias dengan keamanan dan kesentosaan serta kemakmuran. Semoga Allah akan menerima doa kita itu untuk Brunei pada hari ini dan juga untuk masa depannya yang panjang sambung-bersambung.

Akhirnya, beta dan keluarga beta dengan amat sukacita mengucapkan Selamat Hari Raya Aidiladha kepada seluruh lapisan rakyat dan penduduk yang beragama Islam di mana saja mereka berada. Semoga kita sama-sama beroleh keberkatan berupa pemeliharaan dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala.

Amin Yarabbal ‘Alameen.

Sekian, Wabillahit Taufeq Wal-hidayah, Wassalamu ‘Alaikum  
Warahmatullaahi Wabarakatuh.



**Titah Sempena Sambutan Hari Guru Kali Ke-24  
1435 Hijriah / 2014 Masihi dan 100 Tahun Pendidikan  
Formal Di Negara Brunei Darussalam  
di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa,  
Berakas, pada hari Khamis, 14 Zulhijjah 1435 Hijriah /  
9 Oktober 2014 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh  
Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,  
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu  
Wassalaamu 'AlaaAsyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin,  
Wa'alaah 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

BETA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat hadir bersama-sama untuk meraikan Sambutan Hari Guru Kali Ke-24 dan Sambutan 100 Tahun Pendidikan Formal Di Negara Brunei Darussalam, dengan tema 'Pendidikan Sepanjang Hayat Menjamin Kesejahteraan Rakyat'.

Jarak 100 tahun boleh dijadikan penanda aras bagi kematangan satu-satu perkembangan. Maka demikian itulah dengan pendidikan di Negara Brunei Darussalam telah pun mencapai tahap matangnya 100 tahun itu.

Dalam tempoh tersebut sistem pendidikan tentu saja telah mengalami banyak perubahan selaras dengan perkembangan dan tuntutan masa.

Dengan pandangan jauh paduka ayahanda beta sendiri, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, baginda itu telah pun melaksanakan dasar pendidikan seimbang dengan memberikan penekanan kepada pendidikan ugama Islam di samping memajukan pendidikan biasa. Dasar ini telah berjaya melahirkan cerdik pandai tempatan yang berkualiti.

Alhamdulillah, dasar pendidikan yang kita laksanakan selama ini khasnya selepas kemerdekaan adalah semakin mantap. Dasar berkenaan bukan sahaja dapat melahirkan modal insan yang diperlukan malahan juga berjaya menyatupadukan rakyat dan

penduduk dalam satu kesatuan yang kukuh berpaksikan Melayu Islam Beraja.

Dari sinilah bertolaknya peranan guru. Guru mestilah membuktikan kehebatannya dengan memiliki daya kepimpinan berwibawa di samping juga mempunyai pengetahuan yang luas. Di sinilah hebatnya guru itu sehingga mereka terus disanjung dan dihormati.

Guru patut memberitahu kita supaya tidak leka dan juga perlu bekerja keras bagi mengukuhkan pengajaran dan pembelajaran yang menjurus kepada kemahiran-kemahiran Abad Ke-21.

Ke arah ini Kementerian Pendidikan wajarlah merangka strategi dan pendekatan lebih baik dalam Sistem Pendidikan Negara.

Beta adalah menyambut baik usaha Kementerian Pendidikan untuk mereview Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN21) setelah sistem ini mula dilaksanakan pada tahun 2009. Dalam penilaian semula itu turut mesti dilihat ialah kelemahan-kelemahan atau kekurangan-kekurangan jika ada. Adalah tidak memadai jika kita cuma menonjolkan perkara-perkara yang bagus-bagus belaka. Kerana beta sendiri belum lupa di awal-awal kelahiran SPN21 dahulu ia turut memaparkan beberapa kelemahan di dalamnya. Adakah kelemahan-kelemahan ini sudah diatasi atau bagaimana?

Di peringkat antarabangsa pula Negara Brunei Darussalam telah menyertai komitmen global untuk menyediakan pendidikan asas yang berkualiti bagi semua kanak-kanak, belia dan orang dewasa. Beta gembira mengetahui bahawa kadar literasi bagi lelaki dan perempuan yang berusia 15 hingga 24 tahun adalah 99.18% dan 99.53%. Ini menunjukkan bahawa kita sudah mencapai sasaran 'Millennium Development Goals' dalam kadar literasi.

Kita juga telah dapat memenuhi enam matlamat dalam Rangka Education For All (EFA) yang perlu dicapai dalam tahun 2015. Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh UNESCO, pencapaian kita adalah baik berbanding dengan keadaan di beberapa negara di mana masih terdapat jumlah yang sangat besar, seramai 250 juta kanak-kanak di seluruh dunia tidak dapat membaca, menulis dan mengira. 130 juta dari kanak-kanak yang berada di sekolah rendah masih belum mencapai standard minima pembelajaran dan 120 juta lagi mempunyai kadar kedatangan ke sekolah yang

rendah termasuk seramai 57 juta yang langsung tidak bersekolah. Setentunya, kita tidaklah mahu mendengar bahawa kita juga akan turut jadi penyumbang kepada angka tersebut.

Beta sangat gembira mengetahui bahawa negara kita telah pun memainkan peranan yang lebih besar dan meluas di rantau ini dan di peringkat antarabangsa. Jika dahulu negara ini hanya dikenali sebagai penyumbang kewangan sahaja tetapi kini kita sudah mampu memberikan khidmat berbentuk *human capital* dari segi penghantaran tenaga pengajar tempatan bagi mengajar bahasa Inggeris ke negara-negara jiran.

Tidak diragui lagi kita di Brunei telah pun menjadi sebahagian daripada warga dunia yang sedang menikmati kemajuan pendidikan. Namun dalam keghairahan menikmati kemajuan itu kita janganlah lupa terhadap asas-asas awal kita mencipta laluan kegemilangan pendidikan sehinggalah ke hari ini. Asas-asas awal tersebut ialah pendidikan Islam.

Di sinilah kita bermula dengan calak kita sendiri. Pendidikan formal atau tidak formal adalah terus didasari oleh pendidikan Islam itu. Inilah Brunei kita dengan pendidikan, tidak siapa yang boleh mengubah atau merubahnya.

Akhirnya beta ingin mengucapkan Selamat Hari Guru kepada semua warga guru di negara ini dan berdoa semoga segala penat lelah dan sumbangan para guru sekalian akan mendapat ganjaran dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Kepada para penerima Anugerah-anugerah Hari Guru pula, beta mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan berharap agar anugerah seumpama ini akan turut menjadi punca peningkatan motivasi dan produktiviti para guru yang masih berkhidmat.

Sekian, Wabillahit Taufeq Wal-hidayah, Wassalamu'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.



**Address by His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah  
Mu'izzaddin Waddaulah  
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin  
Sa'adul Khairi Waddien,  
the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam  
at the 7<sup>th</sup> Bali Democracy Forum at Bali, Republic of  
Indonesia on 10<sup>th</sup>-11<sup>th</sup> October 2014**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh  
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,  
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuriddunya Waddeen, Wassalaatu  
Wassalaamu 'AlaaAsyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin  
Wa'alaa 'Aalihe Wasahbihee Ajma'een. Waba'du.

YOUR Excellency President Yudhoyono,

Excellencies,

Ladies and Gentlemen,

Once again it is a pleasure to be here amongst close friends and I would like to congratulate President Yudhoyono and the Republic of Indonesia for hosting this 7<sup>th</sup> Bali Democracy Forum.

Mr. President

The convening of this series of Democracy Forums is testimony to your farsightedness.

Your 10 year tenure as President has led Indonesia through significant economic growth and development.

The holding of Indonesia's smooth and successful elections this year augur well for both Indonesia and our region and has helped inspire confidence in continued peace, stability and prosperity for South East Asia.

I am confident that under the guidance of your successor, His Excellency Joko Widodo, Indonesia will continue to be a beacon of progress for our region and I look forward to working with him for the betterment of our region as a whole.

Mr. President,

I wish to share some observations on how changes in the regional landscape over the last three decades have fundamentally altered the way governments engage their citizens.

These past years have brought us rapid development and positive improvements in the quality of governance, required to reflect the growing expectations of our people.

The world has also seen substantial progress particularly in the socio-economic area with global populations enjoying higher standards of living, better healthcare and education.

In the Asia Pacific including Southeast Asia, the overall picture has been most impressive.

Our current combined output amounts to forty per cent of global growth and one third of the world's trade.

The size of our affluent middle class is increasing and most importantly the development drive has lifted substantial numbers of our peoples out of poverty.

We have seen good progress towards achieving the Millennium Development Goals by 2015, which bodes well for our current generation.

I am also pleased that work has started at the United Nations on a transformative post 2015 development agenda, which I believe will greatly benefit our future generations.

The agenda strongly advocates the critical importance of human development that is inclusive, people-centred and sustainable.

This trend in many ways mirrors, what we in ASEAN have strived for in realising our vision of a regional community next year.

However Mr. President, a number of challenges still remain to be overcome.

The accomplishments of the last fifty years have eluded a sizeable proportion of peoples in many parts of the world.

Despite impressive growth figures and positive statistics, extreme poverty, inequality and social injustices still exist.

And whilst globalisation has brought notable progress and forged new partnerships, a great many still struggle with its negative impacts.

Rapid growth and development in many regions have also had negative impacts on our natural environment.

Mr. President,

These remaining challenges clearly pose great risk and uncertainty to both our Governments and our peoples.

In dealing with these challenges ASEAN must consolidate and build upon its achievements over the past few decades.

We need to clarify what we hope to achieve through people-centred development and reflect clarity in our strategies and programs for the future.

Politically, peace and stability should mean ensuring the basic security of our citizens.

Economically, rapid development is not merely about gaining material benefits but also about narrowing disparities in wealth and alleviating poverty.

Globalisation should nurture equitable growth whilst also preserving human dignity.

And the challenges of the twenty-first century, be they economic inequalities, pandemic disasters or transnational crimes, all directly affect our peoples and require them to be constructively engaged in shaping their future.

This form of engagement calls for political, economic and social development, which promotes greater interaction between the Government and its people.

It should result in a partnership that is peaceful, inclusive and consultative.



A partnership which recognises and supports the roles and responsibilities of all its stakeholders and is based on trust, dialogue and consensus.

This essentially equates to good governance.

Mr. President,

Today ASEAN is actively taking meaningful steps to reach out and engage its citizens.

There is also much greater engagement with the private sector, academia, youth and civil society.

Dialogues between Governments and these vital components of our societies have become a constant feature of the ASEAN process.

They play an important role in assisting Governments in their decision-making processes and I believe that more can still be done to fully realise a people-centred ASEAN.

We can utilise technology to both listen to the views of our people, and to share information with them on how they can benefit from our regional cooperation.

Together government and non-government sectors should prioritise their work on issues that directly affect their citizens such as disaster management, human trafficking, drug abuse and the impact of climate change.

More than ever before, countries in our region need to listen to each other's concerns and work collectively for the common good of all our peoples.

Wabillahit      Taufeq      Wal-hidayah      Wassalamu'Alaikum  
Warahmatullaahi Wabarakaatuh



**Titah Sempena Majlis Konvoquesyen Kali Kedua Bagi  
Graduan Ijazah Sarjana Muda Tempatan dan Majlis  
Konvoquesyen Bagi Graduan Diploma Tertinggi  
Kebangsaan Kali Ke-23  
Institut Teknologi Brunei (ITB),  
di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas,  
pada hari Khamis, 28 Zulhijjah 1435 Hijriah /  
23 Oktober 2014 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh  
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,  
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu'  
Wassalaamu 'AlaaAsyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin,  
Wa'alaah Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

BETA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat hadir di perhimpunan hari ini dalam Majlis Konvoquesyen Institut Teknologi Brunei (ITB) Tahun 2014.

Beta mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para graduan di atas kejayaan mereka menamatkan pengajian masing-masing. Ucapan yang sama juga beta tujukan kepada para ibu bapa dan penjaga serta tenaga pengajar yang sentiasa memupuk semangat cintakan ilmu kepada para graduan sehinggalah mereka berjaya.

ITB adalah sebuah universiti berprestij di negara ini yang untuk sekian lamanya telah turut menyumbang kepada pembangunan sumber manusia dalam bidang kejuruteraan dan teknologi. Dengan bertambahnya para graduan yang berkelulusan di bidang ini, beta berharap mereka itu bukan sahaja mampu untuk mengisi kekosongan pekerjaan tetapi juga selaku penyumbang kepada pembangunan. Beta melihat bahawa pasaran kerja tempatan dan global yang sentiasa mencabar adalah memerlukan ITB untuk lebih ke hadapan mengendalikan pendidikan yang berkualiti.

Berkaitan ini, peningkatan kapasiti tenaga manusia dalam jurusan kejuruteraan dan teknologi akan dapat mendukung agenda negara dalam Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik atau STEM. Ini juga akan membantu menggalakkan pertumbuhan inovasi.

Mengenai inovasi ini, beta gembira mengetahui yang Pertandingan Crown Prince CIPTA Award yang dianjurkan oleh ITB sebagai penjana inovasi telah dibukakan kepada negara-negara ASEAN. Beta berharap landasan ini mampu untuk meningkatkan lagi inovasi di kalangan negara-negara ASEAN dan secara tidak langsung mendukung aspirasi ke arah ASEAN Community 2015.

Selain itu mungkin juga ITB akan memikirkan satu model di mana negara ASEAN boleh mengamalkan Open Innovation atau inovasi.

Dari segi pembelajaran beta ingin menyarankan supaya ITB juga dapat memupuk pelajar-pelajarnya secara holistik, mendidik dan meningkatkan kemahiran berfikir dengan berpaksikan MIB.

Elok juga bagi ITB mula memikirkan bagaimana pelajar-pelajar dapat berkongsi pembelajaran dengan institusi-institusi pengajian tinggi yang lain. Selain itu, ITB juga perlu meningkatkan pendedahan pelajar-pelajarnya di arena antarabangsa secara terbuka. Dan sehubungan itu ia juga mungkin dapat mengatasi isu-isu berkenaan hak harta intelek, dana, pertukaran teknologi dan bahan.

Kualiti pelajar kerap dikaitkan dengan kualiti tenaga akademik. Kerana itu sangatlah mustahak bagi ITB meningkatkan kualiti tenaga akademiknya selaras dengan taraf sebuah universiti yang dikagumi. Beta pada awal tahun ini telah pun memperkenankan Skim Perkhidmatan Tenaga Akademik bagi Institusi Perkhidmatan Awam. Sekali lagi beta ingin menekankan supaya hanya tenaga akademik yang benar-benar layak sahaja yang akan diserapkan kepada skim ini.

Mengenai status ITB, Beta adalah menyambut baik visi ITB untuk menjadi antara 10 Universiti Kejuruteraan dan Teknologi yang teratas di Asia Tenggara menjelang tahun 2018. Perkara ini bukanlah sesuatu yang mustahil untuk dicapai sekiranya seluruh warga ITB berusaha ke arah itu.

Menyebut tentang kecemerlangan khasnya cemerlang dalam pembelajaran dan penyelidikan, ITB pada hemat beta perlulah menjalin hubungan baik dengan agensi-agensi strategik yang berkepentingan. ITB mesti melangkah ke hadapan membentuk perhubungan strategik yang mendalam dan meluas merentasi Akademik, Industri dan Kerajaan. Dari perhubungan tiga segi atau Triple Helix ini kelak, tidak mustahil kita akan dapat melihat

terdirinya kerjasama bersepadu yang rapat bersama Syarikat Multinasional di kampus ITB. ITB dan industri adalah wajar berganding bahu dalam mengambil peluang kerjasama ini bagi menawarkan program di bidang sains yang terkini atau Emerging Science.

Mengenai penyelidikan dan inovasi, beta difahamkan ITB telah pun menubuhkan Pusat Penyelidikan Pengangkutan ITB atau Centre for Transport Research, ringkasnya 'CFTR' yang memfokuskan penyelidikannya ke sudut pengangkutan darat, udara dan laut berlandaskan kejuruteraan dan teknologi.

Beta gembira CFTR telah menjalin kerjasama rapatnya dengan Kementerian Perhubungan. Beta juga berharap agar kerjasama itu dapat dilaratkan lagi kepada agensi-agensi yang lain sejajar dengan wawasan negara. Demikian juga kerjasama ini perlu turut dilaratkan kepada institusi-institusi yang mempunyai reputasi tinggi dalam penyelidikan bagi mengangkat ITB ke arena antarabangsa. Sehubungan itu beta telah pun memperkenankan penubuhan Pusat Inovasi dan Kejuruteraan atau 'Centre for Innovative Engineering' ringkasnya 'CIE' sebagai pusat penyelidikan kejuruteraan inovatif yang berkualiti. Beta berharap CIE ini akan menjadi Pusat Kecemerlangan dan rujukan kerjasama dengan pihak-pihak agensi tempatan dan luar negara.

Akhirnya beta sekali lagi merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan yang berjaya. Beta juga ingin mengambil kesempatan untuk mengingatkan bahawa kejayaan yang dicapai hendaklah digunakan dengan sebaik-baiknya untuk membantu negara memajukan ekonomi yang berasaskan *knowledge-based*.

Beta juga dengan ikhlas merakamkan ucapan penghargaan dan rasa terima kasih kepada semua warga Institut Teknologi Brunei, yang merangkumi Ahli-Ahli Majlis, Ahli-Ahli Senat Universiti, Pemangku Naib Canselor, Pegawai-Pegawai Utama, Ahli-Ahli Akademik, pegawai dan kakitangan universiti atas segala sumbangan dan perkhidmatan mereka, beta berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala jua yang akan memberkati segala pengorbanan mereka dengan mengurniakan ganjaran yang berlipat ganda.

Sekian, Wabillahit Taufeq Wal-hidayah, Wassalamu'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.



## **Titah Perutusan Sempena menyambut Tahun Baru Hijrah 1436**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh  
Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Alhamdulillahi Rabbil 'Aalameen,  
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu  
Wassalaamu 'AlaaAsyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin,  
Wa'ala 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

BETA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat pula menyambut kedatangan Tahun Baru Hijrah 1436 dalam keadaan penuh selesa lagi harmoni.

Menyambut dan mengalu-alukan kedatangan Awal Tahun Hijrah adalah merupakan tradisi kita di negara ini sebagai mengenang semula sejarah hijrah Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam.

Peristiwa hijrah adalah peristiwa penuh berkat. Ia bukan dirancang untuk melarikan diri tetapi ia adalah berlaku dengan perintah dan izin Allah jua untuk menyelamatkan akidah yang dibawa oleh Nabi kita Sayyidina Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam.

Ia berlaku dengan cara yang amat luar biasa, penuh dengan pelbagai rintangan dan kesukaran. Sekiranya bukan kerana pertolongan Allah jua maka hijrah ini pasti akan gagal di tengah jalan.

Apa tidaknya, Nabi dan sahabat Baginda Sayyidina Abu Bakar adalah nyaris-nyaris tertangkap dan mungkin juga dibunuh oleh musuh sekiranya mereka itu tidak ditolong dan dilindungi oleh Allah dengan rumah labah-labah dan sarang burung merpati.

Jika umat Islam benar-benar menghayati sejarah ini maka sudah tentu mereka tidak perlu lagi ke mana-mana untuk mendapatkan pengajaran dan tauladan. Sejarah hijrah sudah sedia penuh dengan pengajaran dan tauladan itu.

Dari peristiwa ini memaparkan kepada kita bagaimana keberanian itu sangat-sangat diperlukan. Begitu juga semangat rela berkorban dan kesetiaan adalah paksinya. Andainya tidak ada keberanian dan semangat rela berkorban serta kesetiaan ini maka hijrah yang agung itu pasti tidak akan menjadi sejarah.

Bayangkan hijrah itu hanya dilakukan oleh dua orang sahaja, Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam dan sahabat Baginda Sayyidina Abu Bakar sedangkan musuh sentiasa berkeliaran dan tidak jemu-jemu memburu atau mencari di mana Nabi berada. Tetapi berkat keberanian dan keimanan rela berkorban, maka Allah telah melepaskan mereka daripada bahaya musuh itu.

Nabi dan para sahabat tidak pernah mengenal erti takut dalam menjalani misi mereka. Kerana mereka yakin bahawa Allah adalah tetap bersama-sama dengan mereka.

Konsep ini sangat mustahak dicontohi oleh umat Islam hari ini, berdasarkan banyak sebab yang menguji ketegasan kita dalam kehidupan beragama.

Jika kita tidak memiliki pendirian yang hebat sebagaimana pendirian tokoh-tokoh dalam sejarah hijrah maka dikhuatiri umat Islam ini akan menjadi umat yang lemah dan terpinggir sedangkan Allah telah mengiktiraf kita sebagai sebaik-baik umat disebabkan sikap kita yang sentiasa mengajak dan menyuruh orang lain berbuat baik serta melarang daripada melakukan perkara-perkara buruk.

Manakala kita ini berkeadaan lemah dan sentiasa takut untuk menonjolkan kebaikan-kebaikan Islam dan ajaran-ajarannya yang suci maka bermakna kita adalah sedang meletakkan diri kita bukan lagi sebagai sebaik-baik umat itu.

Ini perlu disedari dalam usaha kita meneladani ajaran-ajaran hijrah. Pada tahun ini tema sambutan kita adalah berbunyi: "Bersatu Mendukung Undang-Undang Allah".

Perkataan 'Bersatu' itu sangatlah bagus diucapkan. Begitulah juga dengan ungkapan: "Bersatu Mendukung Undang-Undang Allah" adalah satu ungkapan yang cukup bertenaga lagi luhur. Ia perlu disambut dengan sikap berani dan jujur.

Yang dimaksudkan dengan berani itu di sini ialah berani kerana Allah bukan berani kerana yang lain-lain.

Apapun perkara jika ia disandarkan semata-mata kerana Allah, maka perkara itu amatlah suci di sisi-Nya.

Apa yang penting untuk kita ingat ialah sebarang niat janganlah kerana yang lain-lain tetapi bulatkan ia untuk menolong dan memelihara ugama-Nya semata-mata. Nanti akan kita dapati Allah itu pasti akan menolong kita pula.

Ini adalah janji-Nya. Sesungguhnya janji Allah itu amatlah tepat dan tidak pernah dimungkiri.

Untuk mengakhiri perutusan ini beta mengucapkan Selamat Menyambut Awal Tahun Hijrah 1436 dengan harapan semoga Allah akan meletakkan kita dan negara ini dalam 'inayah dan pemeliharaan-Nya dengan melimpahkan rahmat berupa keamanan, kesejahteraan dan hidup bersatu padu dalam kemakmuran. Amin Ya Rabbal 'Alameen.

Sekian, Wabillahit Taufeq Wal-hidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.



**Titah Sempena Perasmian Majlis Ilmu 2014 Sempena  
Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia  
Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan  
Negara Brunei Darussalam Yang Ke-68,  
di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas,  
pada hari Selasa, 4 Muharram 1436 Hijriah /  
28 Oktober 2014 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh  
Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,  
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu  
Wassalaamu 'AlaaAsyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin,  
Wa'ala 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

BETA bersyukur kerana kita dapat mengadakan Majlis Ilmu 2014 sempena puja usia beta yang ke-68 tahun. Beta adalah menghargai tema yang dipilih iaitu: 'Sains dan Teknologi Pemangkin Pembangunan dan Meningkatkan Kualiti Kehidupan Ummah'.

Mudah-mudahan apa yang dihasilkan dari Majlis Ilmu 2014 ini sama ada melalui perbincangan dalam seminar, ceramah dan simposium mahupun kesan persembahan Pameran Majlis Ilmu 2014 akan memberi faedah yang banyak kepada kita.

Kita memang sama-sama menyedari bahawa sains dan teknologi menjadi sukat-sukat kualiti hidup. Kita tidak boleh mengabaikan sejarah peradaban yang berasaskan ilmu yang bertanggungjawab memastikan kelangsungan kehidupan di kalangan manusia.

Apabila kita bercakap mengenai peranan sains dan teknologi, kita tidak dapat mengabaikan sejarah *Renaissance* di Eropah. Sejarah ini telah melahirkan pelbagai reka cipta dan inovasi melalui ilmu sains dan teknologi sehingga dengan itu terciptalah aneka peralatan untuk kegunaan masyarakat.

Dengan adanya ini maka meningkatlah tahap kehidupan penduduk negeri-negeri di Eropah. Lalu ilmu sains pun terus dipelajari di barat dan di timur dengan keghairahan untuk membina kehidupan lebih bermutu.



Namun kita orang Islam masih perlu berhati-hati dalam perkara mengikut arus zaman dan usaha membangun bangsa. Sains dan teknologi tidak ada salahnya malah Islam juga dalam sejarah ketamadunan manusia adalah menyumbang kepada kemajuan sains dan teknologi itu. Berapa banyak petunjuk-petunjuk saintifik dalam Al-Qur'an telah diguna pakai tetapi ini tidak pernah di*highlight* oleh sesiapa pun.

Kerana itu bagi kita sains dan teknologi itu akan jadi salah apabila ia dianggap semata-mata cetusan kudrat manusia tanpa digabungkan dengan ketuhanan. Pada hal sains dan teknologi itu cuma secebis ilmu sahaja sedang ilmu itu pula adalah milik Allah, bukan milik siapa-siapa. Ia dikurniakan kepada manusia selaku nikmat dan untuk digunakan dengan cara yang selayaknya.

Menyebut nikmat, Allah telah mengingatkan kita bahawa kita ini akan ditanya pada hari kiamat kelak, bagaimana dan untuk apa nikmat itu telah digunakan. (Boleh rujuk ayat akhir Surah At-Takaathur).

Jika ketuhanan tidak digabungkan dengan sains dan teknologi, aplikasinya kepada kehidupan akan memisahkan kita daripada ketuhanan. Akhirnya manusia akan angkuh dan ingkar terhadap Tuhannya. Perintah Allah Ta'ala dalam hal ini sangat menggerunkan melalui kejadian Kaum 'Aad yang mewarisi ilmu dan kemahiran tetapi mereka membangun dengan angkuh dan ingkar, tidak mengakui ketuhanan dalam pembangunan mereka itu.

Demikian juga Nabi Allah Hud 'alaihissalam telah diutus kepada kaum Baginda supaya mereka kembali kepada jalan yang lurus, tetapi mereka tetap angkuh dan ingkar lalu Allah membinasakan mereka sebinasa-binasanya.

Kita bukanlah ketinggalan zaman. Kita juga menggunakan sains dan teknologi dalam pembangunan bangsa kita.

Dalam melaksanakan rancangan-rancangan kemajuan, kita adalah sentiasa *up to date* dengan maklumat-maklumat sains dan teknologi baik misalnya dalam pembinaan jalan raya, pembinaan bangunan dan rumah, pembinaan jambatan, pembekalan elektrik dan air, kemudahan perubatan, pemakanan, pendidikan dan lain-lain.

Tetapi kita memanfaatkan sains dan teknologi itu adalah semata-mata untuk kebaikan bukan untuk kerosakan di muka bumi.

Dengan lain perkataan kita berusaha mencipta tamadun tetapi asasnya adalah sains dan teknologi yang berpaksikan keyakinan kepada Allah. Kita melakar tamadun itu bermula dengan pendidikan. Kita turut mendidik anak bangsa kita dengan sains dan teknologi yang tidak bertentangan dengan hukum-hukum ugama.

Kita tidak menerima sains dan teknologi untuk memperkecilkan kuasa Allah tetapi sebaliknya mengkagumi kuasa Allah itu. Begitu juga kita menolak sains dan teknologi untuk membinasakan bumi dan segala isi di dalamnya tetapi yang kita terima ialah sains dan teknologi yang memakmurkan bumi dengan kebajikan dan kemanusiaan.

Apabila lahir nanti saintis dan teknologis kita, kita akan sokong dan berikan mereka kemudahan yang cukup untuk terus mengharungi penyelidikan dan pengembangan di mana hasilnya kelak akan menjadikan kita ini bangsa yang sentiasa di hadapan dan berjaya. Semuanya itu dalam kerediaan Allah.

Apabila kita benar-benar maju dan sentiasa di hadapan, kita tidak akan berhenti dari terus berusaha untuk kesejahteraan orang lain juga dengan menggunakan tamadun kita sambil mempromosikan kebaikan dan menentang kemungkaran demi kemanusiaan.

Ertinya orang lain pun insyaa-Allah akan turut mendapat faedah daripada tamadun sains dan teknologi kita kerana tamadun kita itu seratus peratus membawa kepada kebaikan, ketuhanan dan kejayaan dunia akhirat.

Adalah tidak salah untuk mengejar gelaran sebagai Ummatan Wasatan: Umat yang adil, terbaik lagi terpilih, sebagaimana yang diungkap oleh Al-Qur'an.

Dengan lafaz Bismillahir Rahmanir Raheem beta rasmikan Majlis Ilmu 2014 dengan keyakinan ia akan menghidangkan ilmu dan maklumat yang berguna untuk pembangunan dan peningkatan hidup bangsa dalam negara.

Sekian, Wabillahir Taufeq Wal-hidayah, Wassalamu'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.



**Titah Sempena Majlis Hafl Al-Takharruj Ke-4, Universiti  
Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA),  
di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas,  
pada hari Sabtu, 8 Muharram 1436 Hijriah /  
1 November 2014 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh  
Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,  
Wabihee Nasta'enu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu  
Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin,  
Wa'alaah 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

ALHAMDULILLAH, beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu  
Wata'ala di atas limpah rahmat-Nya mengizinkan kita dapat  
berkumpul dalam Majlis Haftut Takharruj Ke-4 Universiti Islam  
Sultan Sharif Ali (UNISSA) pada pagi ini.

Beta gembira kerana dari tahun ke tahun UNISSA telah melahirkan  
ramai graduannya yang dilengkapi dengan ilmu ugama yang berguna  
kepada pembangunan bagi meneruskan legasi kita sebagai sebuah  
'Negara Zikir' yang berdaulat lagi direcai oleh Allah Subhanahu  
Wata'ala.

Majlis Haftut Takharruj kali ini akan mencatatkan sejarah  
bermakna di mana beta difahamkan ianya akan menyaksikan  
penganugerahan yang julung-julung kalinya bagi anak tempatan kita  
menyandang Ijazah Doktor Falsafah keluaran UNISSA.

Beta berharap penganugerahan ini akan menjadi daya pendorong  
kepada anak-anak tempatan yang lain untuk mencontohnya.

Sebagai sebuah Institut Pengajian Tinggi Islam Tulen, UNISSA  
adalah turut mementingkan kualiti.

Oleh itu ia perlulah memastikan setiap program yang ditawarkan  
hendaklah merentasi semua disiplin ilmu yang berkenaan.

Di samping itu penekanan juga perlu dibuat oleh UNISSA untuk  
mengukuhkan lagi penggunaan dan penguasaan bahasa Arab dalam

program-program yang ditawarkannya sesuai dengan kedudukan bahasa ini sebagai bahasa Al-Qur'an.

Pada hemat beta penekanan ke atas dua faktor ini akan menjadikan UNISSA sebuah universiti Islam tulen yang unggul bukan sahaja di rantau ini malahan juga di peringkat antarabangsa.

Dalam usaha UNISSA mencapai keunggulan tersebut, perkara utama yang perlu diutamakan ialah kualiti tenaga pengajarnya.

Oleh itu beta berharap pihak UNISSA akan mampu merealisasikan tujuan asal Skim Perkhidmatan Tenaga Akademik yang telah beta perkenankan baru-baru ini iaitu untuk melahirkan dan menarik tenaga akademik yang cemerlang dalam pengajaran dan penyelidikan.

Beta difahamkan bahawa proses peralihan tenaga akademik kepada skim baru ini sedang aktif dijalankan di semua institusi pengajian tinggi di negara ini.

Dengan adanya tenaga akademik yang berkualiti, tidak syak lagi akan dapat menarik minat para pelajar dari luar negara untuk mengikuti pengajian di UNISSA dan sekali gus akan meningkatkan profil UNISSA sendiri di persada antarabangsa.

Bagi meningkatkan profil ini, UNISSA diperlukan untuk memperkembangkan dan meningkatkan bidang penyelidikan.

Dalam hubungan ini beta adalah turut menyokong usaha berterusan UNISSA dalam inisiatifnya memperkukuh dan memperkasakan Mazhab Syafi'e melalui kerjasama strategik di antara Universiti Al-Azhar dan Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'e UNISSA.

Melalui usaha ini kita akan dapat memastikan pegangan umat Islam di negara ini akan tetap berjalan di atas landasan aliran Ahli Sunnah Waljamaah, Mazhab Syafi'e.

Walau bagaimanapun beta ingin menyarankan supaya pusat penyelidikan ini tidak hanya akan terhad kepada penyelidikan dalam Mazhab Syafi'e sahaja malahan juga perlu diperluaskan kepada mazhab-mazhab lain.

Tujuannya ialah untuk memastikan UNISSA juga mampu untuk melahirkan para ilmuwan dan ulama yang dapat mendalami semua aliran mazhab.

Dengan cara ini akan menjadikan pusat ini sebagai pusat yang mempunyai pandangan luas dan dapat memainkan peranan mengekang sebarang pengembangan ajaran-ajaran yang tidak selaras dengan mazhab-mazhab Ahli Sunnah Waljamaah.

Kerjasama dengan Universiti Al-Azhar seumpamanya ini dipercayai mampu untuk membantu menjadikan pusat ini sebagai Hub bagi penyelidikan Mazhab Syafi'e yang bukan hanya akan menjadi tempat rujukan para ilmuwan di rantau ini malahan juga di peringkat antarabangsa.

Oleh itu bagi melengkapkan lagi usaha ke arah ini, kerjasama juga wajarlah dilaratkan kepada universiti-universiti yang unggul di negara-negara lain meliputi dalam pelbagai bidang ilmu.

Jika usaha-usaha ini kita perluaskan insyaa-Allah UNISSA akan menjadi sebuah universiti yang benar-benar unggul di samping juga mampu untuk mengangkat dirinya menjadi sebuah pusat rujukan yang berprestij.

Tambahan lagi dengan UNISSA mempunyai bangunan barunya kelak akan menjadikannya sebagai lambang ketamadunan dan ketinggian ilmu Islam yang benar-benar menyerlah di negara tercinta ini.

Oleh itu langkah ke arah pembinaannya adalah mustahak diutamakan sebagai usaha memenuhi tuntutan keadaan dan aspirasi negara.

Dalam keghairahan kita untuk meningkatkan profil UNISSA di persada dunia, beta juga ingin melihat UNISSA memainkan peranan lebih aktif dalam khidmat-khidmat kemasyarakatan terutama yang bersangkutan paut dengan ugama Islam. Beta gembira bahawa UNISSA memang telah dan sedang menjalankan beberapa program yang dibukakan kepada orang ramai namun masih sahaja terdapat ruang yang luas untuk terus diteroka dan dipelopori.

Akhirnya beta sukacita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas kejayaan para graduan dan juga setinggi-tinggi penghargaan

kepada para ibu bapa dan penjaga atas sokongan dan pengorbanan mereka sehingga membawa kepada kejayaan.

Di samping itu beta juga merakamkan ucapan yang sama kepada semua warga UNISSA yang merangkumi Ahli-ahli Majlis, Senat Universiti, Rektor, Pegawai-pegawai Utama, ahli-ahli akademik dan seluruh pegawai serta kakitangan universiti di atas segala sumbangan dan khidmat bakti mereka. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala jua yang akan membalas mereka dengan ganjaran-Nya yang berlipat ganda.

Sekian, Wabillahit Taufeq Wal-hidayah, Wassalamu'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakatuh.



**Titah Sempena Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-21,  
Tahun 1436 Hijrah / 2014 Masehi  
di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas,  
pada Hari Khamis 4 Safar 1436 Hijriah /  
27 November 2014 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh  
Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,  
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu  
Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin,  
Wa'ala 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

BETA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat hadir dipagi memperingati Hari Perkhidmatan Awam ke-21 ini.

Perkhidmatan Awam adalah terus berhadapan dengan pelbagai cabaran di tengah-tengah arus kemajuan sosio-ekonomi serta permintaan orang ramai yang terus meningkat.

Semua ini memerlukan perkhidmatan awam untuk lebih bersedia dan lebih pantas ke hadapan dari permintaan.

Tema Hari Perkhidmatan Awam pada kali ini berbunyi: "Urustadbir Dinamik Ke arah Kesejahteraan Negara". Tema ini membawa mesej bahawa urustadbir atau 'governance' itu adalah nadi kerajaan.

Urustadbir perlu dinamik untuk membawa kita kepada perubahan-perubahan yang baik. Jika tidak maka urustadbir seperti itu adalah lemah dan tidak mampu untuk menyampaikan kepada sasaran yang dikehendaki.

Kita perlu tangkas mengenali dan menghadapi sebarang perubahan. Baru-baru ini kita dikejutkan dengan penurunan kedudukan negara dalam indeks "Ease Of Doing Business" yang diperakukan oleh Bank Dunia mengikut kriteria penilaian baru. Kedudukan negara kita didapati jatuh, dari tangga 98 tahun 2013 kepada 101 pada tahun ini. Kejutan ini tidak syak lagi memerlukan muhasabah untuk kita mengetahui kedudukan program pembaikan yang ada, tahap komitmen dan juga 'delivery' perlaksanaannya. Kita juga perlu tahu akan sebab musababnya di samping usaha untuk mengatasi kemerosotan ini.

Beta mengambil maklum mengenai banyak usaha telah dibuat untuk meningkatkan kualiti kepimpinan dan pengurusan. Memang kepimpinan dan pengurusan berkualiti adalah penentu bagi pencapaian dalam Perkhidmatan Awam.

Kecekapan pemimpin dan pengurusan terutama kecekapan menangani situasi di luar dugaan adalah antara perkara yang sangat perlu diberikan fokus yang cukup.

Di bidang tata-cara, peraturan dan undang-undang pula, beta adalah ingin melihat supaya perlaksanaannya lebih efisien dan berkesan. Kerana perkara berkaitan dengan disiplin pada misalnya adalah perkara pokok untuk perkhidmatan yang berintegriti.

Perkembangan semasa menunjukkan bahawa bilangan kes pecah amanah dalam pengurusan kewangan adalah membimbangkan walaupun cuma melibatkan jumlah kewangan yang kecil. Ini termasuklah perbuatan memberi dan menerima rasuah. Perilaku atau amalan yang tidak berintegriti ini boleh saja menular dan melemahkan Perkhidmatan Awam jika tidak ditangani dengan tegas dan cepat.

Menyebut mengenai tindakan tegas dan cepat, beta adalah sangat mengambil berat mengenai apa jua kelambatan dalam proses kerajaan antaranya proses pengambilan dan pengisian kekosongan jawatan.

Untuk membantu mengurangkan masalah ini, beta telahpun memperkenankan kaedah “on-line recruitment” yang perlaksanaannya akan bermula pada tahun hadapan.

Di bawah kaedah ini orang ramai yang mencari pekerjaan akan boleh membuat urusan-urusan secara ‘on-line’, antaranya membuat permohonan, memasukkan data secara automatik, menerima perakuan, makluman mengenai ujian, temuduga dan keputusan permohonan dalam masa yang singkat.

Beta juga mengalu-alukan usaha Jabatan Perkhidmatan Pengurusan yang sedang giat menjalankan pengauditan pengurusan bukan sahaja bagi mengetahui kekuatan dan kelemahan pengurusan dalam perkhidmatan awam tetapi juga untuk memberikan taraf bintang kepada pengurusan yang memenuhi kriteria-kriteria pengiktirafan.



Skop pengauditan ini mencakupi Tekad Pemeduliaan Orang Ramai (TPOR), Manual Pengurusan Kerja (MPK), rancangan strategik, program pembaharuan pbaikan serta pengurusan pelanggan.

Buat akhirnya beta mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada penerima-penerima Anugerah Pekerja Cemerlang termasuk Anugerah Pekerja Cemerlang Bahagian II yang baru diperkenalkan pada tahun ini dan juga kepada pemenang-pemenang Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam.

Beta berharap supaya anugerah-anugerah ini akan memberikan motivasi dan inspirasi kepada semua warga perkhidmatan awam bagi memperolehi kecemerlangan dalam perkhidmatan mereka.

Beta juga ingin mengucapkan terima kasih dan penghargaan peribadi beta kepada pegawai dan kakitangan yang bersara pada tahun ini di atas sumbangan dan jasa bakti mereka semasa berkhidmat dengan kerajaan.

Beta berdo'a ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga pesara-pesara sentiasa didalam sihat 'afiat dan akan terus mencurahkan bakti kepada ugama, bangsa dan negara.

Sekian, Wabillahit Taufeq Wal-hidayah, Wassalamu'Alaikum Warahmatullaahi Wabarakatuh.



**Titah Sempena Majlis Bersama Rakyat Dan Penduduk  
Negara Brunei Darussalam Yang Berada Di United  
Kingdom Dan Northern Ireland Dan Penganugerahan  
Biasiswa “Chancellor’s Scholar” Universiti Brunei  
Darussalam Sesi 2014 / 2015 di London, United Kingdom  
pada hari Ahad, 6 Rabiulawal 1436 Hijriah /  
28 Disember 2014 Masihi**

Assalamu‘alaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh  
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil ‘Aalameen,  
Wabihee Nasta‘eenu ‘Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalatu  
Wassalaamu ‘AlaaAsyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin,  
Wa’alaa ‘Alihie Wasahbihee Ajma’een, Waba’dhu.

BETA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata’ala kerana dapat pula bersama-sama lagi dengan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang sedang berada di United Kingdom dan Ireland Utara terutama para penuntut, pegawai kerajaan dan mereka yang sedang dalam percutian bersama keluarga.

Alhamdulillah, pada tahun ini negara kita telah mencapai 100 tahun pendidikan formal. Ini menunjukkan negara kita sejak dari awal-awal lagi telah memberikan perhatian yang serius kepada aspek pendidikan itu.

100 tahun yang telah dilalui menghendaki kita lebih peka kepada perubahan kerana perubahan itu tidak pernah menunggu lama untuk melihat kita lebih maju ke hadapan ataupun sebaliknya. Bukankah dunia ini sentiasa berubah dan perubahan itu pula sentiasa meminta kita untuk mesti melengkapkan diri?

Inilah hakikat perubahan, menuntut kita supaya lebih kreatif, dinamik dan berkemahiran.

Terutama perubahan dalam pendidikan, ia adalah bermula dari awal-awal lagi, kemudian sekolah rendah dan menengah, pendidikan teknikal dan pengajian tinggi.

Menurut analisis pakar ada tiga perkara yang paling penting bagi mencapai pendidikan terbaik iaitu mendapatkan orang yang betul-betul sesuai menjadi guru, pembinaan guru-guru untuk

pengajar yang berkesan dan memastikan setiap kanak-kanak adalah berjaya melalui pembelajaran yang berkualiti.

Meningkatkan mutu pendidikan secara menyeluruh ialah dengan memantapkan pendidikan di peringkat rendah. Ini termasuklah meningkatkan tahap kemahiran menurut piawaian kebangsaan yang ditanda aras dengan piawaian antarabangsa. Perlu diingat mengukuhkan pendidikan ditahap awal adalah asas kepada kejayaan pendidikan di peringkat seterusnya.

Mengenai pencapaian piawaian antarabangsa, beta gembira yang Universiti Brunei Darussalam (UBD) telah mengalami transformasi menjadi sebuah universiti bertaraf dunia yang cemerlang di dalam pengajaran dan penyelidikan. UBD kini pada tahun ini telah berada pada kedudukan 50 teratas dalam 5 daripada 9 petunjuk di Asia dalam QS Ranking.

Universiti Brunei Darussalam pada tahun 2012 telah tampil memperkenalkan Skim Biasiswa Chancellor's Scholar yang berprestij yang pada tahun ini adalah penganugerahan yang ketiga ianya dianugerahkan.

Dikesempatan hari ini beta sukacita mengucapkan tahniah kepada dua orang pelajar yang terpilih untuk menerima anugerah Biasiswa Chancellor's Scholar Universiti Brunei Darussalam bagi Sesi 2014/2015 dalam pengajian di peringkat PhD di institut terkemuka di dunia.

Beta berharap penerima-penerima anugerah ini akan terus mempertingkatkan diri masing-masing sehingga mencapai kejayaan yang diharap-harapkan. Beta juga ingin menasihatkan semua pelajar di sini sama ada pemegang biasiswa kerajaan ataupun yang belajar secara persendirian supaya rajin dan terus belajar sehingga mencapai cita-cita.

Ketika sedang belajar khasnya janganlah sekali-kali mendedahkan diri kepada perkara-perkara yang merugikan yang tidak ada kaitnya dengan ilmu dan pendidikan. Awasilah semua anasir perosak yang sentiasa berkeliaran di sana-sini. Konsistenlah berkubu dengan amal salih dan ibadat kepada Allah, insyaa-Allah pelajar-pelajar akan beroleh keselamatan dengannya.

Pertahankanlah jati diri, integriti dan semangat keBruneian, dan bawalah kemana saja budaya MIB, cara hidup dan cara berfikir MIB, bukan yang lain-lain.

Ingatlah, kebanggaan satu-satu bangsa itu bukan diukur dari usahanya menjadi bangsa baru tetapi kebanggaan sejati terhasil apabila ia berjaya mempertahankan warisan dan jatidirinya.

Sekian saja akhirnya dengan tulus ikhlas beta turut mendo'akan semoga para pelajar sekaliannya berada dalam sejahtera, sentiasa diberkati dan berjaya di dalam pengajian masing-masing.

Wabillahit Taufeq Wal-hidayah, Wassalamu'Alaikum  
Warahmatullaahi Wabarakaatuh.



